| SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2022 / 2023 DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Tajuk Program / Projek** | **Fokus WPA 21** | **Objektif** | **Keterangan Ringkas Program / Projek** |
| **JABATAN PERDANA MENTERI** | | | | |
| **JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI** | | | | |
| 1 | Projek mengemaskini dan pembukuan garispanduan kawalan keselamatan Unit Keselamatan | Dasar | i. Mengemaskini garispanduan kawalan keselamatan yang sedia ada mengikut kesesuaian dan keperluan kawalan masa kini.<br>ii. Menerbitkan buku panduan resmi untuk rujukan dan kegunaan pengawal-pengawal keselamatan di semua pos-pos kawalan Unit Keselamatan | Projek ini diadakan bagi meneliti dan membuat rebiu ke atas Perintah Tetap dan prosedur kawalan keselamatan yang sedia ada. Sebuah buku garispanduan ini telah diterbitkan sebagai rujukan Unit Keselamatan dalam melaksanakantugas dan peranan dalam memberikan perkhidmatan kawalan ke atas bangunan-bangunan dan kawasan kerajaan. Dengan adanya garispanduan yang dikemaskini ini akan dapat meningkatkan lagi kualiti dan efisiensi kerja-kerja pengawalan. |
| 2 | Penerbitan Manual Dasar Keselamatan JKDN terbitan Jawatankuasa Pandu Keselamatan JKDN | Dasar | Menerbitkan buku rujukan mengenai dasar dan prosedur keselamatan JKDN yang akan digunakan oleh semua Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan sterusnya penguatkuasaan dasar-dasar keselamatan yang telah digariskan supaya dasar keselamatan Jabatan diketahui oleh semua kakitangan dan manual sebagai sumber rujukan bagi mewujudkan perlaksanaan program yang seraga, di kesemua peringkat | Projek penerbitan Manual Dasar Keselamatan JKDN yang mengandungi dasar dan garispanduan dalam melindungi aset-aset Jabatan dengan mewujudkan langkah-langkah ke atasnya. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 3 | Platform Digital (Dalaman) Bagi Permohonan cuti | Struktur Organisasi | i. Memendekkan proses kerja unit pentadbiran dalam pengurusan cuti<br>ii. Mengurangkankan penggunaan kertas dalam proses permohonan cuti. | Projek ini adalah bagi mewujudkan platform mudah bagi pegawai dan anggota JKDN untuk membuat permohonan cuti secara online dan pengisian borang dalam bentuk softcopy. |
| **PEJABAT PEGUAM NEGARA** | | | | |
| 4 | Menyediakan Aliran Kerja Bagi Unit Penterjemahan | Struktur Organisasi | Objektif projek ini adalah seperti yang berikut:<br>i. Proses penterjemahan lebih teratur<br>ii. Pengurusan kerja lebih sistematik<br>iii. Meningkatkan output pruf terjemahan | Aliran Kerja Unit Penterjemahan dikaji semula agar dapat menambahbaik dan melancarkan proses penterjemahan. Ini adalah agar aliran kerja sejajar dengan carta organisasi baru unit di bawah Bahagian Komunikasi dan strategi. aliran kerja tersebut juga memberi panduan kepada penterjemah mengenai proses yang perlu dilaksanakan bagi memastikan pengurusan kerja adalah sistematik. |
| 5 | Menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi Unit Penterjemahan | Struktur Organisasi | Objektif projek ini adalah seperti yang berikut:<br>i. Dokumen SOP sebagai rujukan untuk membantu penterjemah menangani isu apabila yang menghadpai complexity dalam penterjemahan substans undang-undang (dari segi teknikal, memilih dan menyesuaikan perkataan yang terhad dalam bahasa melayu)<br>ii. Proses kajian lebih teratur<br>iii. Hasil penterjemahan lebih sempuran dan berkualiti<br>iv. Menambah keyakinan penterjemah<br>v. Usaha ke arah mengurangkan pengawasan daripada penyelia<br>vi. Penterjemah menjadi | Sebelum Unit Penterjemahan mula diserapkan ke Bahagian Komunikasi dan Strategi pada 25 Februari 2021, Unit ini tidak mempunyai Prosedur Operasi Standard untuk dijadikan panduan dalam proses penterjemahan. Oleh itu, Perjalanan proses penterjemahan berjalan secara "business as usual" tanpa sebarang perubahan atau penambahbaikan.<br><br>SOP ini adalah garispanduan bagi tindakan yang perlu dilakukan langkah demi langkah apabila berhadapan dengan kekeliruan dengan frasa atau perkataan dalam bahasa inggeris mahupun bahasa perundangan bagi mendapatkan terjemahan yang tepat.<br><br>Dokumen SOP merangkumi empat langkah seperti berikut:<br>i. Mencari makna perkataan dalam |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | lebih efisien<br>vii. Ketelusan proses penterjemahan dikalangan penterjemah | kamus-kamus terbaik<br>ii. Membaca dan memahami konteks untuk menyesuaikan perkataan selaras dengan peruntukan dalam konteks<br>iii. Mencari sinonim<br>iv. Membuat terjemahan dengan memilih perkataan yang bersesuaian |
| 6 | Menjalankan In-House Training bagi Unit terjemahan | Pelakuan Organisasi | Objektif projek ini adalah seperti berikut:<br>i. Meningkatkan kemahiran berfikir<br>ii. Meningkatkan tahap keyakinan diri<br>iii. Kemahiran berkomunikasi<br>iv. Kecekapan melaksanakan tugas menerusi perkongsian ilmu<br>v. Membantu penterjemah lebih berdikari | Sebelum projek ini dilaksanakan, Unit penterjemahan tidak mempunyai sebarang garispanduan yang jelas untuk dijadikan panduan dalam pemilihan kata/terma yang sesuai. Penterjemah hanya bergantung kepada pengalaman, ilmu pengetahuan dan juga hasil rujukan masing-masing yang akhirnya menyebabkan ketidak selarasan dan juga kekeliruan dalam pemilihan kata/terma. Seringkali juga penetapan kata/terma ini diserahkan bulat-bulat kepada Ketua Penterjemah yang menyemak terjemahan berkenaan.<br><br>Projek ini diadakan sebagai usaha bagi meningkatkan ketelusan amalan dan terjemahan yang digunakan. Setiap Penterjemah diberi peluang secara bergilir-gilir berkongsi maklumat dan ilmu pengetahuan melalui pengalaman, pembelajaran semasa menghadiri kursus di dalam dan luar negeri yang akhirnya hasil dapatan rujukan mereka masing-masing. Projek ini juga menjadi platform bagi semua Penterjemah untuk lebih mememahami peranan mereka, saling bantu membantu dan belajar di antara satu sama lain, mengadakan perbincangan dan menyuarakan pendapat masing-masing dan bekerja sebagai satu pasukan. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 7 | Membuat Sistem Pengurusan Rekod untuk Surat Kuasa Wakil | Struktur Organisasi | "Objektif projek ini adalah seperti berikut:<br><br>i. Merekod pembahagian kerja<br><br>ii. Memudahkan pencarian instrumen<br>iii. Memastikan output yang dihasratkan tercapai<br>iv. Sebagai bahan rujukan bagi tujuan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Sebelum projek ini dilaksanakan, tidak ada rekod jumlah pendaftaran instrument Surat Kuasa Wakil, Jika diperlukan, perkiraan dibuat secara manual dengan merujuk Buku Kutipan Hasil. Memandangkan jumlah instrumen diterima untuk didaftarkan setiap hari semakin meningkat, sistem pengurusan rekod adalah sangat diperlukan bagi memantau perjalanan proses instrumen tersebut. Projek ini melibatkan memasukkan data pendaftaran instrumen berkenaan ke dalam microsft excel. Data yang dimaksudkan adalah seperti berikut:<br><br>i. Tarikh kemasukan<br>ii. Nombor kemasukan<br>iii. Jumlah pendaftaran instrumen<br>iv. Jumlah kutipan hasil harian<br>v. Nama Pegawai<br>vi. Tarikh pendaftaran instrumen - stamping, memasukkan butiran ke dalam Buku Daftar dan tandatangan pegawai |
| 8 | Menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) Bagi Unit Pendaftaran | Struktur Organisasi | Objektif projek ini adalah seperti berikut:<br><br>i. Meningkatkan akauntabiliti dengan mendokumentasikan tanggungjawab dalam melaksanakan tugas<br><br>ii. Sebagai rujukan pegawai dan kakitangan dalam menyelesaikan pekerjaan<br><br>iii. Membantu pegawai dan kakitangan lebih berdikari<br><br>iv. Memastikan peraturan undang-undang dituruti<br><br>v, Penyimpanan instrumen lebih teratur. | Unit pendaftaran ditempatkan di bawah Bahagian Komunikasi dan Strategi pada penggal 25 Februari 2021. Sebelum projek dilaksanakan, tidak ada sebarang dokumen SOP sebagai rujukan berkaitan tugas dan hal-hal berkaitan Unit Pendafrtaran. Dokumen SOP adalah mustahak disediakan berkaitan proses dan peraturan dalaman memandangkan pendaftaran SUrat Kuasa Wakil dan Perkhawina merupakan kewajipan berkanunn di bawah Akta Surat Kuasa Wakil (Penggal 13) dan Pendaftaran Perkahwinan (Penggal 124) |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 9 | Penyimpanan Data dan Sijil Pendaftaran Perkahwinan Secara Digital dan Elektronik | Pelakuan Orhganisasi | "Objektif projek ini adalah seperti berikut:<br>i. Rekod pendaftaran sijil perkahwinan adalah teratur<br>ii. Memudahkan Unit Pendaftaran membuat pencarian sijil pendaftaran perkahwinan<br>iii. Mengurangkan tempoh masa menunggu<br>iv. Mengurangkan jumlah fail<br>v. Memberi lebih ruang bagi persekitaran tempat kerja yang kondusif | Sebelum projek dilaksanakan, tidak ada sebarang rekod sebagai rujukan berkaitan dokumen berkenaan sijil pendaftaran perkahwinan. Projek ini melibatkan penyimpanan data pendaftaran perkahwinan dan dokumen sokongan ke dalam microsoft excel. Data yang dimaksudkan adalah seperti berikut:<br>i. Nama Suami & Isteri<br>ii. Tarikh Perkahwinan<br>iii. Tarikh mendaftar di Unit Pendaftaran |
| JABATAN MUFTI KERAJAAN | | | | |
| 10 | Menaiktaraf platform Pemberigaan Maklumat<br>i. Online Purchasing<br>ii. E-Fatwa | Struktur Organisasi | Menyediakan landasan baru untuk pemberigaan makluamt Islam melalui aplikasi Instagram dan Youtube<br>Menyediakan landasan baru untuk penjualan melalui online purchasing dan pemberigaan Fatwa melalui E-fatwa dalam laman web Jabatan Mufti Kerajaan | Projek menaiktaraf platform pemberigaan maklumat- Bulan Disember 2022 sehingga March 2024 |
| PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI | | | | |
| 11 | Meningkatkan Kadar Pematuhan Pertubuhan Berdaftar Ke Atas Peruntukan di bawah Akta Pertubuhan (Penggal 203) | Struktur Organisasi | i. Menghendaki pertubuhan berdaftar untuk menghadapkan dan mengemaskinikan laporan tahunan seperti yang diperuntukan di bawah bab 22 Akta Pertubuhan (Penggal 203)<br>ii. Mengingatkan pertubuhan berdaftar untuk sentiasa menyimpan dan mengemaskini maklumat yang berkaitan dengan pertubuhan dengan sempurna.<br>iii. Meningkatkan pengetahuan pertubuhan berdaftar mengenai peraturan-peraturan di bawah Akta Pertubuhan secara amnya dan mematuhi peraturan-peraturan tersebut.<br>iv. Bagi meningkatkan kesedaran dan | Projek yang sedang diungkayahkan adalah sebagai usaha pihak Pendaftar Pertubuhan dalam memastikan pertubuhan berdaftar di bawah Akta Pertubuhan (Penggal 203) sentiasa bergerak selaras dengan undang-undang dan peraturan di Negara Brunei Darussalam. Projek ini dilaksanakan sebagai lanjutan projek sebelum ini di mana pertubuhan berdaftar diberikan makluman mengenai tanggungjawab untuk menghadapkan laporan tahunannya sesuai dengan bab 22 Akta Pertubuhan.<br><br>Dalam fasa ini, program pendekatan awam dalam bentuk berkumpulan di mana pertubuhan-pertubuhan berdaftar secara berperingkat dijemput untuk menghadiri satu sesi seminar bagi menyampaikan dan mengingatkan mengenai tanggungjawab |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | kewaspadaan pertubuhan berdaftar mengenai risiko terdedah kepada pembiayaan aktiviti pengganas (terrorism financing) | pertubuhan berdaftar seperti yang dikehendaki Akta Pertubuhan. Program ini telah diadakan pada 31 Oktober 2022 dan dirancang untuk diadakan lagi secara tahunan. |
| BIRO MENCEGAH RASUAH | | | | |
| 12 | Penstukturan Semula Organisasi | Struktur Organisasi | i. Memudahkan proses hasil kerajaan<br>ii. Memudahkan pelawat untuk membuat pembayaran secara atas talian melalui One Common Billing System dan Online Banking Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Bank Baiduri.<br>Iii. Pengurusan dalam merekod bil dan invois lebih pantas, mudah serta efisyen<br>iv. Keselamatan data lebih terjamin dan hanya boleh diakses oleh pengguna yang sah sahaja.<br>v. Penggunaan OCBS mengurangkan masa menunggu dan transaksi lebih pantas. | Struktur Organisasi ini menggantikan struktur terdahulu yang mana penempatan pegawai dan kakitangan adalah mengikut kepakaran, kebolehan dan kompetensi bagi mendapatkan sinergi dan lebih specialise serta bagi meningkatkan produktivit dan efisiensi Jabatan |
| BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH | | | | |
| 13 | Kutipan Hasil (Tiket Kemasukan KE Galeri Pameran BKISHHB) Melalui Platform One Common Billing System | Struktur Organisasi | i. Memudahkan proses hasil kerajaan<br>ii. Memudahkan pelawat untuk membuat pembayaran secara atas talian melalui One Common Billing System dan Online Banking Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Bank Baiduri.<br>Iii. Pengurusan dalam merekod bil dan invois lebih pantas, mudah serta efisyen<br>iv. Keselamatan data lebih terjamin dan hanya boleh diakses oleh pengguna yang sah sahaja.<br>v. Penggunaan OCBS mengurangkan masa menunggu dan transaksi lebih pantas. | One Common Billing System merupakan satu platform inisiatif Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi memudahkan proses kutipan hasil kerajaan dan pada masa yang sama memberi kemudahan kepada orang ramai dalam membuat pembayaran/tempahan tiket |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 14 | Penggunaan Kod QR bagi membuat aduan kerosakan ke Bahagian Pengurusan Bangunan dan Keselamatan | Struktur Organisasi | i. Memudahkan catatan rekod laporan aduan (user-friendly)<br>ii. Melancarkan urusan bagi membuat tindakan dan susulan aduan<br>iii. Pemantauan aduan kerosakan dan pembaikan<br>iv. Mendapatkan maklumat lokasi dan tempat aduan<br>v. Memuatnaik gambar aduan bagi keterangan yang lebih jelas | i. Memudahkan warga BKISHHB serta pekerja-pekerja kontrak dan orang ramai yang berurusan di BKISHHB membuat aduan kerosakan berkenaan bangunan, IT dan AV dengan kemudahan yang ada seperti telefon bimbit dan rangkaian teleforn<br>ii. Mendapatkan maklumat aduan kerosakan pada aset bangunan, IT dan AV dengan lebih cepat dan teratur. |
| 15 | Upskilling and Reskilling - Tour Guide (Untuk Pelawat) | Pelakuan Organisasi | Bertujuan bagi meningkatkan kemahiran para peserta khususnya dalam bidang jurupandu atau memberi penerangan mengenai kandungan-kandungan maklumat galeri sebagai persiapan kepada pembukaan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk dijadikan sebagai salah satu destinasi pelancongan menarik kepada para pengunjung sama ada dari dalam dan luar negara. | 1. Kursus dan latihan Jurupandu Pelancong dan VIP<br>2. Kursus Islamic Value on Customer Service<br><br>Kursus dan latihan Jurupandu Pelancong dan BIP ini adlaah merupakan satu kursus yang dianjurkan oleh Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, yang dihadiri oleh 23 orang peserta dan 4 orang pemerhati yang terdiri daripada para pegawai divisyen 2 dan kakitangan dari Unit Pameran<br><br>Kursus ini bertujuan bagi mengetahui lebih mendalam mengenai tatacara menjadi jurupandu pelancongan secara efektif, serta memahami etika dan peraturan yang perlu diikuti oleh jurupandu dan pelancong itu sendiri. disamping itu juga, kursus dan latihan ini juga bertujuan bagi meningkatkan mutu komunikasi dan interaksi antara jurupandu dan pelancong yang berkunjung ke balai ini. |
| 16 | Perubahan Struktur Menjadi lima (5) Bahagian | Struktur Organisasi | Menyatukan 2 unit yang dipikirkan bersesuaian i.e unit pameran dan Unit Jualan dan Pemasaran di dalam satu bahagian bagi tujuan melancarkan proses | Perubahan Struktur Organisasi menjadi 5 Bahagian |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | kunjungan dan pembayaran tiket. | |
| 17 | Intranet BKISHHB | Pelakuan Organisasi | Objektif sebagai memudah carakan perkongsian maklumat dan meningkatkan kecekapan atau celik dalam menggunakan sistem maklumat, seperti menggunakan aplikasi-aplikasi yang sedia ada untuk memudahkan perkongsian maklumat dan penyimpanan maklumat secara teratur. tambahan lagi data-data yang diperolehi membolehkan menjadikan maklumat yang berikan bermacam bentuk atau penyampaian yang memberi pengertian yang bermakna kepada Jabatan.<br><br>Sehubungan itu dengan adanya intranet BKISHHB ianya sebagai penyampai dan penyimpanan maklumat diantara warga BKISHHB memudahkan sebagai rujukan yang berguna untuk melakukan tugas harian lebih efektif dan efisien | Memudah cara bagi perkongsian maklumat di antara warga BKISHHB dari segi:<br>-Perkongsian dokumen-dokumen rujukan seperti minit, memorandum, surat keliling, surat pemberitahuan, data, borang dan sebagainya.<br>-Makluman kepada warga BKISHHB yang bercuti, memangku, berkursus dan sebagainya.<br>-Sebagai pemantauan status projek atau kerja-kerja berkaitan seperti pemeliharaan, perlaksanaan, perbelanjaan, perolehan dan sebagainya. |
| JABATAN PERKHIDMATAN AWAM | | | | |
| 18 | Sistem Sumber Manusia (SSM) (HT) | Struktur Organisasi | i. Meningkatkan pengurusan sumber manusia secara keseluruhan.<br>ii. Menjadikan pengurusan sumber manusia lebih berkesan dan efisyen dengan memperbaiki aliran proses yang sedia ada dengan melaksanakan Business Process Reenginerring (BPR)<br>iii. Memberikan 'a greater user experience' kepada | SSM merupakan projek flagship dibawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang melibatkan keseluruhan sumber manusia di Kementerian dan Jabatan Kerajaan.<br><br>SSM akan menggantikan sepenuhnya Sistem Pembayaran Gaji (GPS) dan GEMS yang telah berusia melebihi 10 tahun dalam pengurusan sumber manusia secara menyeluruh. Projek ini diterajui oleh |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 19 | | | pengguna dari awal lantikan hingga tamat perkhidmatan/bersara. | Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai program 'Fiscal Consolidation' bersama TAFIS 2.0. |
| 19 | Program Training The Practitioners Mengenai Hal Ehwal Pengurusan Personel Dalam Perkhidmatan Awam (HP) | Pelakuan Organisasi | Program "stakeholeder engagement" ini adalah bagi meningkatkan kepatuan "compliance" semua pengguna (Kementerian dan Jabatan) dalam perlaksanaan dasar-dasar, menghadapakan permohonan perkhidmatan yang diberikan oleh Bahagian Perkhidmatan Personal. | Projek Tahunan Bahagian Perkhidmatan Personel JPA (Tatatertib, Perumahan dan Faedah-Faedah Perkhidmatan) bagi keseluruhan Kementerian untuk melicinkan proses kerja antara JPA dan Kementerian-Kementerian. |
| 20 | Manpower Optimisation (HS) | Struktur Organisasi | Pengurusan sumber manusia adalah merupakan salah satu elemen utama dalam perlaksanaan program transformasi Perkhidmatan Awam Kerajaan yang menyeluruh dan bersepadu dengan menerapkan sinergi konsep 'lean' atau pemadatan struktur organisasi dalam perkhidmatan awam seperti berikut;<br>a. Peningkatan produktiviti kerja<br>b. Pengurangan Kakitangan Dokongan untuk urusan pentadbiran<br>c. Pengurangan Kos Operasi | Titah Kebawah Duli YangMaha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DI-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Hari Perkhidmatan Awam kali Ke-30 pada 31 Oktober 2023 |
| JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK | | | | |
| 21 | Penubuhan Bahagian Baru Iaitu Bahagian Pengurusan Aset dan Kemudahan Penyimpanan | Struktur Organisasi | Untuk menjaga dan memantau aset Jabatan dengan lebih teratur | Pengstukturan Semula Bahagian-bahagian pada pertengahan tahun 2022 untuk penambahbaikan dalam menangani saranan audit mengenai penghapusan. |
| 22 | Penyerapan Unit Pembelian di Bawah Bahagian Kewangan, Pejabat Pengarah | Struktur Organisasi | Unit pembelian diserapkan kepada Bahagian Kewangan, Pejabat Pengarah Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Unit | i. Menyelaraskan tugas dan tanggungjawab bagi bahagian ini bagi memberikan fokus dan keutamaan kepada perkembangan dan kemajuan sumber tenaga |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | ini dahulunya adalah terletak dibawah Bahagian Perancangan dan Perkhidmatan Korporat (BPPK). BPPK telahpun diubah strukturnya mulai 3 Januari 2023 dan diubah namanya kepada Bahagian Perkhidmatan Korporat (BPK) bagi menyelaraskan tugas-tugas dan tanggungjawab bagi bahagian ini bagi memberikan fokus dan keutamaan kepada perkembangan dan kemajuan sumber tenaga manusia bagi Jabatan ini. | manusia Jabatan.<br>ii. Mengikut amalan-amalan terbaik yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan dan kementerian lain sebagai 'benchmark'<br>iii. Memastikan perbelanjaan adalah lebih terkawal dan teratur dibawah bahagian kewangan selaku pentadbir pengurusan kewangan jabatan. |
| 23 | Kursus Customer Service Excellence: The Delighting Service Skills Course | Pelakuan Organisasi | i. Memahami konsep dan prinsip asas penyampaian kualiti perkhidmatan<br>ii. Mewujudkan persefahaman dan komitmen terhadap pelanggan<br>iii. Memberi tenaga dan mencabar peserta untuk meliahat kualiti perkhidmatan dan pengurusan pengalaman pelanggan dengan perspektif yang baru<br>iv. Memberikan kerjasama perhubungan dengan pelanggan melalui tanggaapan positif dan berkekalan untuk membina hubungan professional yang membawa kepada kesetiaan pelanggan terhadap jabatan.<br>v. Mengurus situasi sukar dengan berkesan dan memahami kepentingan menjadi proaktif dan bertanggungjawab untuk menyampaikan tahap kualiti perkhidmatan yang tinggi | Program latihan bagi Kecemerlangan Perkhidmatan ialah program latihan yang bertujuan untuk membolehkan peserta mengendalikan semua jenis interaksi pelanggan dengan berkesan dan cekap. Ini adalah dengan mengambil kira Jabatan Perkhidmatan Elektrik adalahhsalah satu jabatan yang memberikan perkhidmatan dan memfokuskan kesejahteraan orang ramai. Dengan adanya program latihan ini, peserta akan menemui kemahiran perkhidmatan pelanggan yang diperlukan untuk membantu meningkatkan prestasi layanan terhadap pelanggan. Ini adalah salah satu strategiperkhidmatan jabatan untuk membangunkan imej professional, persepsi yang baik dan berpengetahuan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | sebagai wakil barisan hadapan Jabatan. | |
| RADIO TELEVISION BRUNEI | | | | |
| 24 | Pelaksanaan Penambahbaikan Proses Penilaian Pembelian dibawah BND2,000 | Pelakuan Organisasi | Menangani perkara-perkara yang berkaitan di dalam laporan Jabatan Audit ke arah melaksanakan pembelian menurut peraturan-peraturan kewangan bagi mengelakkan pembelian yang dipecah-pecah kepada beberaspa pesanan (split indent). Memastikan Jabatan Radio Television Brunei mempunyai perancangan pembelian yang teratur selaras dengan garispanduan peraturan Kewangan 2022 agar pembelian adalah perbelanjaan yang berhemah (Value for Money) | Melaksanakan kawalan kewangan dalaman Jabatan Radio Televisyen Brunei bagi pembelian dibawah BND2,000 melalui proses prosedur operasi standard baru dengan menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Permohonan Pembelian (JK3P) dan penstrukturan semula Seksyen Stor dan perbekalan |
| 25 | RTBGo - Ciri Casting | Struktur Organisasi | Ciri casting ini membolehkan pengguna memancar rancangan yang ditonton daripada peranti mudah alih seperti mobile phone, tablet dan sebagainya ke Skrin TV tanpa menggunakan kabel iaitu secara wireless | Pada tahun 2022, sempena ulang tahun aplikasi mudah alih bios dan Android RTBGo yang ke 2, ciri baharu telah diperkenalkan sebagai tambahan dari ciri-ciri yang telah ada iaitu "Casting'. Ciri baharu ini adalah merupakan salah satu penaiktarafan seterusnya yang dibuat dalam tempoh kontrak RTBGo yang bermula pada 1 april 2021 sehingga 31 mac 2023 |

| SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2022 / 2023 DIBAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Tajuk Program / Projek** | **Fokus WPA 21** | **Objektif** | **Keterangan Ringkas Program / Projek** |
| **JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK** | | | | |
| 1 | Penguatkuasaan Penetapan Harga Maksimum Bermusim (PHMB) | Dasar | Objektif utama bagi menguatkuasakan Pentapan Harga Maksimum Bermusim (PHMB) yang sebelum ini dilaksanakan secara pentadbiran sahaja. Dengan Penguatkuasaan PHMB ini, cabaran seperti ketidakbolehan untuk mengambil tindakan penguatkuasaan dapat diatasi dengan mengenakan tindakan yang bersesuaian terhadap ketidakpatuhan. PHMB berpandukan peruntukan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142. Selain daripada itu, tindakan penguatkuasaan yang lebih teratur berbanding daripada secara pentadbiran sahaja, adalah juga dihasrat untuk dapat membantu mencegah tidakpatuhan (deter non-compliance) di kalangan para peniaga. | Dasar Penetapan Harga Maksimum Bermusim (PHMB) bertujuan untuk mengawal harga barangan makanan terpilih khususnya bahan-bahan asasi yang mempunyai permintaan tinggi semasa musim perayaan bagi membantu rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam menampung perbelanjaan semasa musim perayaan. Dasar yang mula diperkenalkan pada tahun 2012 ini lazimnya dilaksanakan pada bulan Ramadhan hingga minggu pertama bulan Syawal pada setiap tahun. Pelaksanaannya adalah dengan kerjasama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Dasar PHMB ini juga adalah merupakan di antara usaha pihak Kerajaan dalam meminimakan impak kenaikan harga barangan makanan global.<br><br>Pada awal pelaksanaanya, dasar ini dikuatkuasakan secara pentadbiran sahaja memandangkan belum terdapat peruntukan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 untuk mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas sebarang pelanggaran PHMB. Walau bagaimanapun, berikutan dengan pindaan ke atas Akta Kawalan Harag, Penggal 142 yang mula berkuatkuasa pada 23 November 2021. PHMB ini dikuatkuasakan |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | dengan peruntukan di bawah Perintah Akta Kawalan Harga (Pindaan), |
| 2 | Operasi Bersepadu di antara JHEP, JPES, dan SDT, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan | Struktur Organisasi | Objektif utama bagi melaksanakan pemeriksaan bersepadu diantara JPES dan agensi penguatkuasa Unit SDT secara bulanan adalah sebagai usaha pembaharuan bagi mempertingkatkan kerjasama dan keberkesanan dalam penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Akta Sukatan dan Timbangan Penggal 151. | JPES melalui JHEP melaksanakan pemeriksaan di premis-premis perniagaan di bawah mandat Akta Kawalan Harga, Penggal 142 sama ada secara bersendirian atau kadangkala secara bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasa lainnya. Walau bagaimanapun, pemeriksaan yang melibatkan JPES dan agensi penguatkuasa lain tidak dilaksanakan secara konsisten.<br><br>Namun, bermula pada 30 ogos 2022, JPES serta bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan melalui Unit SUkatan dan Timbangan (SDT) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah meemulakan kerjasama bagi melaksanakan pemeriksaan bersepadu secara bulanan sebagai sebahagian daripada usaha bagi mempertingkatkan lagi penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Akta Sukatan dan Timbangan Penggal 151 di bawah bidangkuasa masing-masing. Pemeriksa bersepadu secara konsisten yang dijalankan setiap bulan ini juga adalah bagi menyahut saranan untuk mengamalkan pendekatan "Whole of nation approach"di mana kerja penguatkuasaan dilaksanakan dengan melibatkan dua agensi penguatkuasa di bawah Kementerian yang sama. |

| | Tajuk Program / Projek | Fokus WPA 21 | Objektif | Keterangan Ringkas Program / Projek |
|---|---|---|---|---|
| **SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2022 / 2023 DIBAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN** | | | | |
| **JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA** | | | | |
| 1 | Matriks Sokongan Pengurniaan Bintang-Bintang dan Pingat-Pingat Kehormatan | Dasar | i. Memudahcara dan memendekkan tempoh masa proses tapisan untuk sokongan pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan untuk mendapatkan pengurniaan bintang-bintang kebesaran dan pingat-pingat kehormatan Negara Brunei Darussalam<br>ii. Membantu pihak pengurusan pingat untuk memastikan maklumat-maklumat yang diterima adalah teratur. | Penilaian untuk sokongan mendapatkan pengurniaan bintang-bintang kebesaran dan pingat-pingat kehormatan Negara Brunei Darussalam adalah tugas yang dilaksanakan oleh jabatan Arah Pentradbiran dan Tenaga Manusia (JPTM). Proses ini mengambil masa yang lama untuk dinilai kerana borang sokongan yang dihadapakan dari setiap Jabatanarah, Bahagian, unit dan Cawangan-cawangan adalah dalam jumlah yang banyak mengambilkira borang sokongan dikumpulkan dan diseleraskan bagi Tindakan selanjutnya oleh JPTM.<br><br>Dalam hal ini, JPTM telah melaksanakan Kriteria Kelayakan bagi membantu memudahkan proses tapisan dan penilaian kriteria yang asas seperti tempoh lama perkhidmatan, prestasi kerja dan sebagainya, yang mana sokongan yang dihadapkan akan dapat diteliti terlebih dahulu supaya memenuhi syarat-syarat sepertimana yang digariskan di dalam persuratan pihak Jabatan Perdana Menteri. Seterusnya hanya memfokuskan kepada kenyataan sokongan sahaja. proses akhir ialah menghadapkan kepada yang Yang Mulia Setiausaha Tetap dan Yang Berhormat Menteri di Kementerian Pertahanan untuk mendapatkan sokongan dan |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | kebenaran bagi dihadapkan ke JPM dan JPA. |
| 2 | Guidelines and Checklist of Contract and Memorandum of Understanding | Struktur Organisasi | Garispanduan ini dihasilkan brtujuan untuk menerangkan secara ringkas dan jelas kepada pegawai Kementerian Pertahanan dan juga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengenai Kontrak dan memorandum Persefahaman yang dapat membantu dan menambahkan lagi pengetahuan dan kefahaman supaya pihak-pihak yang berkepentingan ini dpat melaksanakan peranan penting mereka dalam memenuhi keperluan Kementerian ini dengan berkesan bermula daripada persediaan spesifikasi sehingga penandatanganan dokumen. Senarai semak dalam garispanduan tersebut juga boleh digunakan oleh pihak-pihak berkepentingan berkenaan sebagai rujukan dalam proses menyediakan spesifikasi atau keperluan Kementerian sebelum proses penggubalan Kontrak dan Memorandum Persefahaman dilaksanakan. | "Projek 'Guideline and checklist of Contract and Memorandum of Understanding' ini adlaah garispanduan yang menghuraikan mengenai elemen-elemen penting dalam kontrak termasuk " "essential clauses"" dan peruntukan yang selalu digunakan dalam Memorandum Persefahaman, dan juga senarai semak bagi pra-penggubalan Kontrak/Memorandum Persefahaman dan peringkat penandatanganan dokumen.<br><br>Garispanduan ini adalah salah satu inisiatif unit ini untuk mengongsikan maklumat dan senarai semak kepada pihak berkepentingan yang mengendalikan pengurusan Kontrak dan Memorandum Perefahaman. Ianya dikeluarkan bagi meningkatkan kesedaran pihak berkepentingan mengenai dengan pengetahuan dan pemahaman yang jelas mengenai dengan elemen-elemen penting dalam Kontrak dan juga Memorandum Persefahaman serta senarai semak yang dapat dijadikan rujukan oelh pihak berkepentingan bagi membantu unit ini dlaam proses menggubal Kontrak dan Memorandum Persefahaman. |

| SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2022 / 2023 DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Tajuk Program / Projek** | **Fokus WPA 21** | **Objektif** | **Keterangan Ringkas Program / Projek** |
| **JABATAN PENTADBIRAN** | | | | |
| 1 | Kajian Kesihatan Mental | Pelakuan Organisasi | Untuk mengenalpasti ruang penambahbaikan dalam perkhidmatan sokongan kesihatan mental | Penyelidikan ini bertujuan untuk mengumpul maklumat tentang punca dan kesan masalah kesihatan mental di kalangan warga KHELN di samping menangani masalah tersebut demi menjaga kesejahteraan warga KHELN. |
| 2 | Mengemaskini Proses Pembelian / Pembekalan Peralatan - Peralatan Keperluan di bawah kawalan Jabatan Pentadbiran | Struktur Organisasi | Penambahbaikan dalam mengawal perbelanjaan jabatan dan merancang perbelanjaan jabatan mengikut tugasan yang diberikan dan memastikan proses penghantaran / pembelian lancar dan teratur | Pengemaskinian proses pembelian peralatan -peralatan iaitu toner dan ink bagi keperluan jabatan-jabatan di bawah kawalan Jabatan Pentadbiran |

| SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2022 / 2023 DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Tajuk Program / Projek** | **Fokus WPA 21** | **Objektif** | **Keterangan Ringkas Program / Projek** |
| **JABATAN BURUH** | | | | |
| 1 | Perlaksanaan Had Yuran Perkhidmatan Perkhidmatan Bagi Pengambilan Pekerja Domestik Pada Kadar Tidak Melebihi BND2,000.00 | Dasar | i. Untuk mengawal dan menyelaras kadar-kadar yuran perkhidmatan yang dikenakan oleh agensi-agensi pekerjaan kepada para majikan bagi pengambilan pekerja domestik yang baru dan tambahan ke negara ini. ii. Untuk memastikan agensi-agensi pekerjaan akan lebih bertanggungjawab dan berhemah dalam menetapkan kadar yuran perkhidmatan supaya tidak melebihi had yang sudah ditentukan.<br>iii. Untuk menjaga kemaslahatan rakyat dan penduduk negara ini dan juga pekerja domestik yang akan diambil supaya tidak akan terbeban dengan peraturan yang diperkenalkan sebelum ini. iv. untuk mengurangkan kos pengambilan pekerja domestik dalam mengawal dan menyelaras kadar yuran yang dikenakan terhadap para majikan termasuk memudahkan pengawalan terhadap agensi-agensi yang gagal mematuhi had. v. sebagai garispandu kepada sebarang perjanjian-perjanjian yang akan dibuat dengan negara-negara yang menawarkan sumber | Perlaksanaan Had Yuran Perkhidmatan Bagi Pengambilan Pekerja Domestik Pada Kadar Tidak Melebihi BND2 ,000.00 adalalah merupakan sallah satu inisiatif Jabatan Buruh untuk mewujudkan pengawalan had kadar yuran perkhidmatan yang dikenakan oleh agensi-agensi pekerjaan kepada majikan khususnya bagl perkhidmatan domestik. Adapun perlaksanaan tersebut adalah berikutan daripada keluhan orang ramai mengenai kadar harga yuran perkhidmatan yang terlalu tinggi dan tidak selaras dikenakan oleh agensi pekerjaan seterusnya membebankan maiikan yang berkeinginan untuk mengambil pekerja perkhidmatan domestik. Inisiatif ini juga dihasratkan akan dapat memberikan peluang kepada para majikan untuk mengambil pekerja perkhidmatan domestik pada kadar yang terkawal selaras dengan Perintah Agensi Pekerjaan 2009. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | tenaga manusia. melalui pengawalan kadar yuran yang dikenakan oleh agensi pekerjaan kepada majikan ini juga akan menetapkan kadar yuran yang perlu untuk dipatuhi oleh agensi pembekal tenaga kerja luar negara. | |
| JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA | | | | |
| 2 | Projek Pendigitalan Bahagian Penguatkuasaan | Struktur Organisasi | Objektif:<br>1. Mengurangkan ruang penyimpanan dengan menukar semua dokumen fizikal ke format digital<br>ii. Mengelakkan dokuman lama daripada hilang dan sukar untuk dirujuk kerana dimakan anai atau pudar<br>iii. Memudah dan mempercepatkan akses kepada dokumen yang telah di digitalisasi. | Mendigitalisasikan dokumen-dokumen lama (mengimbas dokumen fizikal ke format digital)<br>- Sebanyak anggaran 200 dokumen/fail-fail lama telah di digitalisasi) |
| 3 | Program Penghijauan dan Kebersihan Perbandaran Kuala Belait dan Seria | Struktur Organisasi | i. Dapat mengekalkan kehijauan alam sekitar yang indah, sihat dan makmur.<br>ii. Bagi melaksanakan dan mendukung Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam iaitu inisiatif Protokol Hijau dan menerapkan pendekatan whole of nation di kesemua agensi kerajaan dan pihak-pihak yang berkenaan. | Mengekalkan kehijauan alam sekitar, yang indah, sihat dan makmur. |
| 4 | Kaedah Pembayaran Cukai Bangunan Merujuk Kepada Agensi-Agensi Kerajaan | Struktur Organisasi | Objektif:<br>i. Kerjasama dengan pihak Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan, Kementerian Pembangunan ABCi bagi memastikan qualified person (QPI)/ pemilik bangunan menghadapkan borang pengesahan tuntutan cukai bangunan terlebih dahulu | Memastikan pemilik bangunan tiada mempunyai tunggakan atau jika ada untuk membuat perundingan terlebih dahulu bersama-sama Jabatan-Jabatan Bandaran yang berkaitan. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | ke Jabatan-Jabatan Bandaran yang berkaitan sebelum proses kemajuan diluluskan.<br>ii. Memastikan pemilik bangunan tiada mempunyai tunggakan atau jika ada untuk membuat perundingan terlebih dahulu bersama Jabatan-Jabatan Bandaran yang berkaitan.<br>iii. Usaha Jabatan-jabtan Bandaran dalam menangani tunggakan cukai bangunan untuk membantu mengurangkan kesan yang lebih buruk ke atas tunggakan cukai bangunan yang ada. | |
| JABATAN BANDARAN DAERAH TUTONG | | | | |
| 5 | Tutong Buzz | Pelakuan Organisasi | i. Untuk menghidupkan suasana Pekan Tutong dengan aktiviti keceriaan<br><br>ii. Memangkin program perkembangan sosio-ekonomi di kawasan perbandaran Tutong<br><br>iii. Menjalinkan hubungan kerjasama diantara agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan<br><br>iv. Mendedahkan para belia di Daerah Tutong dalam aktiviti sukarelawan<br><br>v. Memangkin dan menggerakkan program-program kreatif dan inovatif melalui penglibatan Whole of Nation Approach. | Tutong Buzz' adalah salah satu program keceriaan yang di kendalikanbersama oleh Jabatan Bandaran Tutong, Jabatan Daerah Tutong dan Badan Kemajuan Kreatif Daerah Tutong (BKKT) dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan ahli-ahli sukarelawan di Daerah Tutong.<br><br>Program ini adalah juga bagi memenuhi dan menjayakan Brunei December Festival yang mana acara dan aktiviti lebih memfokus kepada keceriaan dan perekonomian di Kawasan Pekan Tutong seperti Jualan Bazar, Pameran dan Promosi daripada Agensi Kerajaan, sektor swasta dan NGOs, Aktiviti Pelancongan dan Riadah. |

| JABATAN BOMBA DAN PENYELEMAT | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 6 | Penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa yang baru diperingkat Jabatan dalam memantapkan urus takbir yang berkaitan dengan pengurusan dalam pentadbiran Jabatan | Struktur Organisasi | Bagi memantapkan urusan tadbir yang berkaitan dengan pengurusan dalam pentadbiran jabatan | Penubuhan Jawatankuasa-Jawatankuasa yang baru diperingkat Jabatan dalam memantapkan urus tadbir yang berkaitan dengan pengurusan dalam pentadbiran Jabatan.<br>- Jawatankuasa Pandu Pengurusan Pejabat Pegawai Pemerintah Operasi dan Balai-Balai Bomba<br>-Jawatankuasa Penilai Produk-produk Jabatan Bomba dan Penyelamat<br>Jawatankuasa Pili-pili Bomba |
| 7 | Memperkukuhkan hubungan Jabatan bomba Brunei dan Jabatan Bomba Malaysia | Pelakuan Organisasi | Mengadakan latihan bersama dalam mempertingkatkan kesiapsiagaan insiden-insiden melibatkan bahan yang berbahaya (Hazmat), bangunan/rumah runtuh, mangsa lemas atau kemalangan air, membantu mencari orang dan memantau keadaan situasi kebakaran kompleks, kemalangan jalan raya dan juga kebakaran kenderaan lain-lain yang melibatkan kejadian rentas sempadan diantara kedua buah negara.<br>-mengongsikan pengalaman dan kepakaran di dalam asapek kebombaan (Hazmat. menangkap binatang liar) dan juga penyelamat.<br>-Menghadiri kursus kepakaran di akademi-akademi dan juga Pusat Latihan masing-masing. | Latihan/Kursus bersama bomba malaysia |

| PUSAT PENGURUSAN BENCANA KERAJAAAN | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 8 | Pelan Pengurusan Pusat Pemindahan Sementara (PPSe) | Dasar | Dijadikan sebagai salah satu garis panduan di peringkat nasional bagi pemindahan mangsa-mangsa bencana yang merangkumi tugas dan peranan agensi-agensi berkepentingan; serta lokasi-lokasi serta prasarana yang dijadikan sebgaai pusat pemindahan sementara di seluruh negara sebagai persiapan menghadapi bencana | Pelan kebangsaan untuk menyediakan garis panduan bagi pemindahan mangsa-mangsa bencana yang merangkumi tugas dan peranan agensi-agensi berkepentingan; serta lokasi-lokasi serta prasarana yang dijadikan sebagai pusat pemindahan sementara di seluruh negara sebagai persiapan menghadapi bencana |

| SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2022 / 2023 DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Tajuk Program / Projek** | **Fokus WPA 21** | **Objektif** | **Keterangan Ringkas Program / Projek** |
| **KEMENTERIAN PENDIDIKAN** | | | | |
| 1 | Project-Based Consultancy and Training (PBCTrain) in BIg Data Analytics for Education | Pelakuan Organisasi | i. Mendedahkan pegawai-pegawai di Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan khususnya, dalam membuat analisa big data menggunakan kaedah machine learning<br>ii. Meningkatkan kapasiti jabatan tanpa pegawai-pegawainya perlu meninggalkan pejabat/tugasan mereka untuk menghadiri latihan sepenuh masa<br>iii. Menjalankan projek kajian dengan diselia secara langsung oleh pakar (consultant) dan pengungkayahan projek oleh pegawai-pegawai sendiri<br>iv. Mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk membayar pakar (consultant) sepenuh masa bagi menjalankan ke lima-lima projek machine learning yang tersebut di atas. | PBCTrain adalah sebuah program, atau landasan, yang dibentuk oleh Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan khusus bagi menjalankan projek-projek kajian yang menggunakan kaedah terkini atau kepakarannya tidak ada di Jabatan/Kementerian ini.<br>Program ini menggabungkan empat (4) konsep pembelajaran seperti berikut:<br><br>1)Workplace learning<br><br>2)Work-based learning<br><br>3)Project based learning<br><br>4)Actual Learning |
| 17 | Digitalisasi Laporan Penyelidikan Tanah (Borehole Soil Investigation (SI) Digitalisation) | Struktur Organisasi | i) Digitalisasi laporan fizikal penyelidikan tanah<br>ii) Menyimpan dan menyususn segala data penyelidikan tanah ke dalam server Bahagian Kaji Tanah dan Kaji Selidik (BKTKS).<br>iii) Menyediakan peta-peta kajian tanah untuk projek yang dilaksanakan dibawah mana-mana Kementerian/Jabatan | Projek ini adlah untuk mendigitalisasi laporan penyelidikan tanah yang sedia ada di keempat-empat daerah ke dalam server Bahagian Kaji Tanah dan Kaji Selidik (BKTKS) untuk memberi pengaksesan mudah penggunaan pegawai dan kakitangan Jabatan ini.<br>Dengan pengumpulan data ini ia juga membolehkan penyediakan peta Kaji Tanah awal bagi kawasan tumpuan projek yang belum mempunny6ai sebarang informasi untuk kajian selanjutnya. |
| JABATAN PERKHIDMATAN BANGUNAN | | | | |
| 18 | Garispanduan Asas Penyelenggaraan Bangunan (Basic Building Maintenance Manual) | Struktur Organisasi | i) Menyediakan manual asas penyelenggaraan bangunan dengan lebih berkesan untuk kegunaan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan masing-masing.<br>ii) Mempermudahkan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan mengenalpasti kerosakan yang ada pada bangunan masing-masing.<br>iii) Mempermudahkan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan mengenalpasti tatacara pembaikan yang ada pada bangunan masing-masing.<br>iv) Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan dalam hal ehwal penjagaan bangunan yang teratur. | Memperkenalkan buku panduan asas bagi penjagaan dan tatacara pembaikan bangunan/ aset |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | v) Menuju kepada industri pembinaan yang produktif dan kompeten.<br>vi) Mempermudahkan tatacara kerja-kerja pemeriksaan untuk kegunaan Kementerian-kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.<br>vii) Meningkatkan penglibatan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan dibawahnya dalam memastikan keadaan aset-aset masing-masing dalam keadaan teratur. | |
| JABATAN PERKHIDMATAN AIR | | | | |
| 19 | Penyediaan Manual Prosedur Kerja (MPK) bagi Bahagian Perancangan dan Perkembangan (SWD), Jabatan Perkhidmatan Air | Struktur Organisasi | Bagi membantu dalam mempertingkatkan kecekapan, keberkesanan, prestasi, produktiviti dan kualiti dalam perlaksanaan segala tugas dan tanggungjawab di bawah Bahagian Perancangan dan Perkembangan (SWD), Jabatan Perkhidmatan Air | Penyediaan Manual Prosedur Kerja (MPK) bagi Bahagaian Perancangan dan Perkembangan (SWD), Jabatan Perkhidmatan Air ini adalah disediakan mengikut arahan daripada Ketua Bahagian semasa Mesyuarat Pengurusan (SWD) yang telah diadakan pada 15hb Ogos 2022. Berikutan itu, beberapa mesyuarat MPK telahpun diadakan dua (2) kali sebulan bermula bulan Ogos 2022 sehingga bulan Januari 2023 bagi membincangkan dan menyelaraskan kandungan-kandungan di dalam MPK ini.<br><br>Penyediaan MPK bagi Bahagian SWD juga adalah diperlukan memandangkan Bahagian ini belum mempunyai sebarang MPK yang didokumenkan dengan betul dan teratur. MPK yang akan disediakan akan dapat memberikan faedah dan kesan seperti berikut:<br>i) Ekspektasi Bahagian dan Jabatan ini,<br>ii) Tujuarah yang perlu diikuti dalam melaksanakan tugas dan tanggungiawab,<br>iii) Skop tugas masing-masing |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | diketahui oleh setiap pegawai dan kakitangan Bahagian dan Jabatan ini, dan iv)Membantu dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pegawai dan kakitangan serta organisasi. |
| JABATAN SALIRAN DAN PEMBENTUNGAN | | | | |
| 20 | Perkhidmatan Langganan Dua Belas (12) Bulan Bagi Program Kitar Semula Kertas Buangan /Sisa Bagi Jabatan Saliran Dan Pembentungan (Requote) | Pelakuan Organisasi | i) Mengurangkan kertas buangan / sisa yang semakin bertambah<br>ii) Mengawal dan mengurangkan pemakaian / penggunaan kertas.<br>iii)Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pegawai dan kakitangan Jabatan ini untuk mengelak dari membazir kertas dan menggunakan alternatif lain untuk berhubung dan menyampaikan atau menyebarkan maklumat seperti melalui emel dan Whatsapp<br>iv) Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pegawai dan kakitangan mengenai kepentingan menjaga alam sekitar dengan membuat /menyediakan perkhidmatan kutipan kertas sisa (waste paper) yang mana boleh dikitarsemula menjadi kertas tisu.<br>v) Membantu dalam mengurangkan sampah dan sisa pepejal (Solid waste) yang boleh mendatangkan kesan bencana alam sekitar seperti banjir. | Projek / Program ini menyediakan perkhidmatan bagi jabatan Saliran dan Pembentungan seperti berikut:-<br>i) Membekal kotak kitar semula bagi pembuangan kertas sisa untuk dikitarsemula menjadi kertas tisu.<br>ii) Menjalankan perkhidmatan kutipan kertas sisa setiap bulan selama setahun (12 kali).<br>iii) Memberi taklimat mengenai kesedaran kitar semula kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Saliran dan Pembentungan termasuk melawat tapak proses kertas sisa.<br>iv) Mengeluarkan Sijil Pengiktirafan kepada Jabatan Saliran dan Pembentungan setelah tamat Program /projek tersebut. Jabatan bukan saja melibatkanb pegawai dan kakitangan di cawangan di bawah Jabatan ini sebagai pembaharuan pada projek tahun ini. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 21 | Program Kesedaran mengenai Sistem Vakum Pembentungan di Kampong Ayer | Struktur Organisasi | i) Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan kepada penduduk-penduduk tentang kemudahan sistem vakum.<br>ii) Mengongsikan dan mengadukan permasalahan dan kerosakkan yang berhubungkait dengan sistem pembentungan ini melalui saluran-saluran tertentu untuk diambil tindakan. | Program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan kepada penduduk-penduduk kampong mengenai kemudahan sistem vakum pembentungan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam khussunya di Kampong Ayer. Program pertama dilancarkan pada disember 2022 di Kg Sungai Bunga bagi pemberigaan maklumat untuk penduduk-penduduk Kampong Sungai Bunga dan sekitarnya. Manakala program kedua diadakan pada bulan Mei 2023 yang diadakan di Masjid Yayasan SUltan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Kasat bagi penduduk-penduduk Bolkiah 'A' dan Kg Bolkiah 'B'. |
| 22 | Program Permit to Dig (PTD) secara"Online" | Struktur Organisasi | i) Memudah cara bagi pemohon untuk membuat permohonan'permit to dig' tanpa perlu datang ke pejabat.<br>ii) Mengurangkan penggunaan kertas untuk proses kerja yang mesra alam.<br>iii) Pengurangan jumlah dokumen fisikal yang perlu disimpan. | Permohonan 'permit to dig' sebelum ini dilaksanakan secara fizikal iaitu menggunakan borang yang dihantar ke pejabat untuk diproses bagi mendapat kebenaran untuk melaksanakan kerja-kerja pembina di kawasan projek. Dengan adanya pembaharuan dan pengalihan proses kerja ke arah sistem secara 'online', iainta memudahkan pihak Kerajaan dan Swasta untuk memproses dan memantau pemohonantersebut. |
| JABATAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL | | | | |
| 23 | Penubuhan Jawatankuasa Pensijilan Produk | Struktur Organisasi | Objektif projek ini adalah untuk meneliti dan memberi ulasan dan sokongan segera permohonan produk-produk mekanikal dan elektrikal yang diterima daripada ABCi, Kementerian Pembangunan | Penubuhan jawatan kuasa persijilan produk bagi meluluskan produk-produk mekanikal dan elektrikal (seperti lampu-lampu jentera dan penghawa dingin, dan sebgaainya yang digunakan di dalam projek-projek kerajaan. |
| JABATAN TANAH | | | | |
| 24 | i) Dasar Tukar Syarat Khas Tanah Kepada Perumahan AM | Dasar | i) Untuk memudahkan proses Tukar Syarat Khas Tanah bergeran kepada Perumahan Am.<br>ii) Untuk memudahkan cara | i) Dasar Tukar Syarat Khas Tanah kepada Perumahan Am kni boleh diberi kebenaran di peringkat Jabatan atau Pejabat Tanah Daerah sahaja. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | ii) Pengemaskinian Proses Pindah Milik | | proses Pindah Milik dengan lebih teratur untuk mengelakkan pemohon dikenakan denda penalti. | ii) Pengemaskinian Proses Pindah Milik iaitu dengan mendapatkan nilai taksiran tanah terlebih dahulu bagi perkiraan setem duti. |
| JABATAN UKUR | | | | |
| 25 | Penambahbaikan dan Pembaharuan bermula TK 2022-2023 | Struktur Organisasi | Menaiktaraf dan pembaharuan aplikasi dalam talian dan aplikasi dalaman | i) Hala Kiblat Online System (dalam talian) : Tambahan 3 modul dalam sistem dalam talian yang ada iaitu: a) Permohonan Daif - menerima permohonan bagi kategori Daif b) Permohonan Secara Berfasa - menerima permohonan secara berfasa<br>c) Perkhidmatan Kaunter Jabatan-menerima permohonan daripada orang ramai berkunjung ke Jabatan ukur secara 'walk in"<br><br>ii) Menaiktaraf aplikasi dalaman : Sebanyak 16 aplikasi dalaman menggunakan Oracle telah dibangunkan dan dinaiktaraf secara berperingkat menggunakan PHP runner. Perancangan menaiktaraf bermula pada tahun 2020-2021 dan telah selesai pada tahun 2022-2023 yang mana telah dilaksanakan oleh Pegawai dan kakitangan Bahagian GST, jabatan ukur tanpa melibatkan perbelanjaan. APlikasi dalaman digunakan oleh semua pegawai dan kakitangan termasuk cawangan daerah dalam melaksanakan kerja-kerja seharian. Objektif menaiktaraf ini adalah sebagai langkah dan inisiatif Jabatan menghindari ancaman keselamatan (Security Threat) disebabkan Oracle yang digunakan dalam aplikasi dalaman sudah 'obsolete'. |

| SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2022 / 2023 DIBAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Tajuk Program / Projek** | **Fokus WPA 21** | **Objektif** | **Keterangan Ringkas Program / Projek** |
| **KEMENTERIAN KESIHATAN** | | | | |
| **JABATAN DASAR DAN PERANCANGAN** | | | | |
| 1 | Laman Sesawang Program Workplace And Health (WAH) https://whp.gov.bn/ | Dasar | Kursus dalam talian laman sesawang Program WAH adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kecekapan kesihatan perkhidmatan awam. Objektif program adalah:<br>1. KPI: 10% kadar penyertaan untuk mengikuti kursus dalam talian bagi setiap kementerian<br>2. menyediakan kursus atau modul gaya hidup sihat menjelang Julai 2022 | Program WAH adalah salah satu program di bawah private-public partnership (PPP) antara Kementerian Kesihatan dan Gleneagles JPMC (GJPMC) Sdn Bhd untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan penyakit tidak berjangkit (non-communicable disease, NCD) di kalangan masyarakat Brunei Darussalam sejak tahun 2019. Rasional program WAH adalah bagi mendorong tempat kerja untuk menyediakan persekitaran dan tindakan yang membantu pekerja untuk lebih aktif, mengamalkan pemakanan sihat, bebas dari asap rokok dan mempunyai kesejahteraan mental yang baik. Salah satu komponen Program WAH adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kecekapan kesihatan perkhidmatan awam melalui Kursus dalam talian laman sesawang Program WAH whp.gov.bn.<br><br>Fasa-fasa bagi menjalankan projek laman sesawang tersebut adalah:<br>1. Pembangunan laman sesawang Program WAH<br>2. Sosialisasi dan Pemasaran laman web Program WAH<br>3. Pendaftaran dan Penvertaan Kursus Dalam Talian<br>4. Penilaian Kursus Dalam Talian Program WAH |

| JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 2 | PROGRAM PENILAIAN PENGIKTIRAFAN ISO 15189 JABATAN PERHIDMATAN MAKMAL OLEH MAJLIS PENGIKTIRAFAN SINGAPURA (SINGAPORE ACCREDITATION COUNCIL) | Struktur Organisasi | 1. Mengekalkan pengiktirafan ISO15189 Jabatan Perkhidmatan Makmal<br>2. Meringkatkan jumlah pengiktirafan ujian-ujian makmal. | Piawaian ISO 15189 (Medical Laboratories: Particular Requirements for Quality and Competence) ialah piawaian antarabangsa yang khusus bagi makmal-makmal perubatan. Jabatan Perkhidmatan Makmal telah menggunakan piawaian ini sebagai piawaian rasmi untuk mencapai pengiktirafan antarabangsa sejak tahun 2005.<br><br>Jabatan Perkhidmatan Makmal telah berjaya mendapatkan pengiktirafan ISO15189 daripada Majlis Pengiktirafan Singapura (Singapore Accreditation Council - SAC) pada bulan Oktober 2011 dan sijil pengiktirafan tersebut diperbaharui setiap empat (4) tahun. Setiap tahun beberapa orang pakar dari majlis tersebut akan membuat penilaian pengawasan (surveillance) atau penilaian untuk membaharui sijil pengiktirafan certificate renewal) bagi memastikan Jabatan Perkhidmatan Makmal berterusan mengikuti dan mematuhi piawaian ISO15189 dan seterusnya membolehkan Jabatan Perkhidmatan Makmal menambah jumlah ujian-ujian makmal untuk pengiktirafan.<br><br>Program ini:<br>1. Adalah sebuah mekanisme pemantauan yang memastikan kualiti keputusan ujan-ujian dan perkhidmatan makmal kekal mematuhi piawaian dang garis panduan antarabangsa.<br>2. Dapat menaiktaraf rakmal-makmal di bawah Jabatan Perkhidmatan Makmal kepada makmal rujukan kebangsaan di |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | peringkat nasional.<br>3. Dapat meningkatkan kepercayaan<br>dan keyakinan kepada pelanggan-pelanggan makmal iaitu pegawai-pegawai perubatan dan jururawat-jururawat untuk terus yakin mengunakan keputusan-keputusan ujian makmal bagi memberikan perkhidmatan kesihatan dan perubatan pesakit yang berkualiti.<br>4. Dapat memberi jaminan kecekapan dan kepatuhan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan makmal dalam melaksanakan dan mengawal kualiti penganalisa ujian-ujian makmal.<br>5. Berupaya untuk menangani dan mengurangkan risiko yang berkaitan dengan keselamatan pesakit dengan cara memastikan ujian-ujian makmal yang betul, dapat dipercayai dan diberikan tepat pada masanya.<br>6. Dapat membantu Jabatan Perkhidmatan Makmal untuk mencapai tujuan Kementerian Kesihatan dalam memberikan sistem penjagaan kesihatan yang cemerlang berkualiti tinggi dan komprehensif.<br>7. Dapat membantu Jabatan Perkhidmatan Makmal untuk merjayakan matlamat Wawasan Brunei 2035 seperti berikut<br>i. Matlamat 1: Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya<br>Mengembangkan kemahiran kakitangan-kakitangan makmal dengan menyediakan program latihan dan pembelajaran yang berterusan dan bermanfaat.<br>ii. Matlamat 2: Kualiti kehidupan yang tinggi<br>Sebahagian daripada matlamat strategik 1(SG1) di bawah Pelan |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | Strategik 2019- 2023 Jabatan Perkhidmatan Makmal, tindakan diambil dengan memperingkatkan kualiti dan memperluas skop akreditasi ISO 15189. Ini selaras dengan pelan strategik Kementerian Kesihatan Excellence in Healthcare Services.<br><br>Penilaian bagi tahun 2022/2023 adalah penilaian pengawasan (surveillance) yang pertama bagi sijil pengiktirafan ISO 15189 (2021-2025) dan Jabatan telah menghadapkan sebanyak 21 uiian baru untuk dinilai bagi mendapatkan pengiktirafan. Penilaian pada tahun ini dibuat secara on-line menggunakan aplikasi Microsoft Teams dengan pakar-pakar dari Singapura. |
| JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI | | | | |
| 3 | Menghasilkan i) the Guidance For Medicinal Product Defect, Quarantine And Recall For Licensed Manufacturers/ Licensed Wholesalers/ Licensed Importers/ Product Licence Holders in Brunei Darussalam. ii) The Guidance For Reporting of Medicinal Product Defect, Quarantine And Recall In Non Ministry Of Heaith Facilities. | Dasar | 1. Untuk mengesan dan mengenal pasti masalah kualiti ubat secepat mungkin<br>2. Untuk pemantauan yang lebih berkesan sekiranya ada peningkatan kepada laporan yang diterima bagi produk defek yang melibatkan keseluruhan bac (batch) produk yang dikeluarkan oleh pihak pengilang.<br>3. Untuk memudahcara perkongsian maklumat dengan pihak berkuasa kawalan ubat negara luar temasuk Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengenai dapatan produk palsu dan substandard, jika ada. | Penghasilan panduan berkaitan dengan produk aduan, kuarantin dan penarikan semula produk bagi pengilang, pemborong, pengimport, pemegang lesen produk dan fasiliti-fasiliti kesihatan swasta adalah untuk mempertingkatkan pemantauan kualiti produk yang ada di pasaran bagi penjagaan keselamatan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Panduan-panduan ini memberi tunjuk arah kepada yang berkenaan cara-cara untuk mengendalikan aduan orang-ramai tentang masalah kualiti ubat yang diterima dan juga cara-cara melapor aduan produk ubat tersebut kepada Kementerian Kesihatan. Pada tahun 2021 dan tahun 2022, unit produk defek dan recall adalah di bawah Bahagian Farmakovigilans: Pada Februari 2023, unit ini berpindah ke Bahagian Regulatori Produk untuk |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | persejajaran fungsi dan objektif bahagian-bahagian berkenaan. |
| 4 | Menghasilkan sistem laporan secara online bagi professional kesihatan melapor Kesan Sampingan (Reaksi Ubat Advers) melalui Bru-HIMS. | Struktur Organisasi | 1. Untuk mengesan dan mengenal pasti masalah ubat secepat mungkin 2. Pemantauan yang lebih berkesan sekiranya jumlah laporan Reaksi Ubat Advers yang luar biasa tinggi diterima walaupun kesan advers tersebut dianggap ringan. 3. Untuk memastikan dan memudahkan penilaian kausalitas laporan Reaksi Ubat Advers. 4. Untuk memudahcara perkongsian maklumat dengan pihak berkuasa kawalan ubat negara luar temasuk Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk menjana maklumat baharu dan tambahan mengenai keselamatan ubat-ubatan. | Penghasilan sistem laporan secara online untuk melapor kesan sampingan (Reaksi Ubat Advers) melalui Bru-HIMS adalah untuk mempermudahkan profesional kesihatan terutamanya doktor-doktor untuk melapor kesan sampingan yang dialami pesakit. Project ini adalah salah satu strategic goal Jabatan Perkhidmatan Farmasi bagl mempertingkatkan laporan kesan sampingan. Laporan-laporan tersebut akan diterima oleh Pusat Kebangsaan Pemantauan Reaksi Ubat Advers untuk penelitian dan penilaian kausalitas dilaksanakan oleh Brunei Darussalam Pharma covigilance Advisory Committee. |
| 5 | Penambahan waktu operasi Perkhidmatan Farmasi di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan, Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait | Struktur Organisasi | 1. Penambahan masa perkhidmatan farmasi lanjutan yang diberi oleh Tukang Ubat Terlatih di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan adalah supaya pesakit-pesakit diberi nasihat mengenai ubat-ubat mereka dengan teratur oleh kakitangan farmasi yang dilatih dan berkelayakan. 2. Untuk mengurangan masa jururawat untuk mendispen ubat kepada pesakit supaya dapat menumpukan perhatian mereka kepada tugas-tugas kejururawatan. | Sebelum inisiatif ini dilaksanakan, Tukang Ubat Terlatih dari Bahagian Farmasi hanya bertugas di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan dari jam 4:30 petang hingga 10 malam pada hari waktu bekerja. Pada hari Jumaat, Ahad dan hari kelepasan awam, perkhidmatan diberi mulai jam 8:30 pagi hingga 11:30 pagi dan dari jam 7 malam hingga 10 malam.<br><br>Mulai Januari 2023, waktu operasi perkhidmatan farmasi di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan telah dilanjutkan kepada 24 jam setiap hari. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 6 | Penambahan waktu operasi Perkhidmatan Farmasi Lanjutan di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan, Hospital PMMPMHAMB, Tutong | Struktur Organisasi | 1. Penambahan masa perkhidmatan farmasi lanjutan yang diberi oleh Tukang Ubat Terlatih di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan adalah supaya pesakit-pesakit diberi nasihat mengenai ubat-ubat mereka dengan teratur oleh kakitangan farmasi yang dilatih dan berkelayakan.<br>2. Untuk mengurangan masa jururawat untuk mendispen ubat kepada pesakit supaya dapat menumpukan perhatian mereka kepada tugas-tugas kejururawatan | Cadangan untuk menambah waktu operasi yang terdiri daripada kakitangan farmasi, iaitu Tukang Ubat Terlatih di Bahagian Kemal langan dan Kecemasan, Hospital PMMPMHAMB setelah perbincangan yang dipersetujui diantara ketua Bahagian Kemalangan dan Kecemasan dengan ketua Bahagian Farmasi.<br><br>Sebelum inisiatif ini dilaksanakan, Tukang Ubat Terlatih dari Bahagian Farmasi hanya bertugas di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan dari pukul 6 petang hingga 9 malam pada hari Jumaat, Ahad dan hari kelepasan awam sahaja.<br><br>Dengan perlaksanaan waktu perkhidmatan baru ini, Tukang Ubat Terlatih bertugas di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan pada setiap hari dari jam 6 petang hingga 9 malam |
| 7 | Melaksanakan Dasar International Patient Safety Goal (IPSG) 3- Management of High Alert Medications (HAM) | Dasar | i. 'To improve patient safety by providing a policy on the management of HAM within Ministry of Health (MOH) that includes storage labelling, dispensing, supply, prescribing, administration and monitoring processes.'<br>ii. 'To ensure safety measures and processes are in place to manage HAM in MOH and prevent medications errors' | Dasar International Patient Safety Goal (IPSG). 3- Management of High. Alert Medications (HAM) telah diendos oleh Kementerian Kesihatan pada 10hb September 2020.<br><br>Sejak dasar ini diendos, beberapa sesi taklimat mengenai dasar ini telah disampaikan oleh Ahli Kimia Ubat kepada kakitangan farmasi jururawat dan<br>juga doktor di empat buah hospital kerajaan dan juga pusat-pusat kesihatan seperti berikut:<br>a. Pusat-Pusat Kesihatan<br>23/6/22- kakitangan usat Kesihatan Peng kalan Batu<br>6/7/22 -Jururawat di Pusat Kesihatan Tutong<br>26/7/22 - Jururawat Pusat Kesihatan |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | Kuala Belait<br>20/7/22 Jururawat di MCH Belait<br><br>b. PMMPMHAMBH<br>17/8/22- kakitangan farmasi dan Jururawat<br>di hospital PMMPMHAMB<br><br>c. RIPAS Hospital<br>30/3/2021 -Jururawat<br>2/6/2021 - Jururawat<br>26/7/2023 - Dok ktor<br>27/7/2023 -Jururawat<br>8/8/2023 - Jururawat<br>29/8/2023 - Jururawat<br><br>d. PIHM Hospital<br>6/9/2022 -Jururawat<br><br>e. SSB Hospital<br>14/2/2023-Jururawat<br>23/8/2023-Jururawat<br><br>Selain dari itu, aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Farmasi adalah seperti berikut:<br>1. Mengemaskinikan Ward inspection check list dengan merangkumi piawaian dalam pengurusan 'High Alert Medicines' (HAM)<br>2. Menyediakan label ubat yang berdasarkan IPSG 3 Policy untuk semua wad-wad dan klinik-klinik di sektor kerajaan<br>3. Menguruskan pembelian bekas (container) ubat-ubatan untuk wad-wad dan klinik. Sebanyak 5222 bekas ubat-ubatan telah pun dibeli dan diedarkan kepada pengguna<br>4. Memantau komplian kepada dasar IPSG3 melalui wad check secara berkala dan memberi maklumbalas kepada pegawai jururawat |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 8 | Penubuhan Unit Perkembangan Sumber Tenaga Manusia dan Penyelidikan (Research and Human Resource Development Unit) | Struktur Organisasi | 1. Memperkukuhkan bidang penyelidikan klinikal dan dasar kesihatan untuk menyumbangkan kepada kepada penambaikan penambaikan dalam amalan perubatan dan perkhidmatan farmasi.<br>2. Pembangunan Rangka Kerja Kompetensi Tukang Ubat Terlatih untuk pemantauan dan pembangunan kompetensi profesional bagi ahli Tukang Ubat Terlatih.<br>3. Menyediakan latihan kompetensi bagi Tukang Ubat Terlatih melalui Penilaian Kompetensi Tukang Ubat Terlatih (Pharmacy Technician Competency Assessment).<br>4. Pemantauan prestasi dan latihan 100 jam bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Farmasi<br>5. Mengenal pasti kelemahan atau jurang dalam kecekapan semua kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Farmasi dan memberi cadangan dan sokongan keperluan latihan. | 1. Sebagai unit fokal untuk menyelaras dan memantau penyelidikan yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Farmasi demi mempertingkatkan perkhidmatan yang diberikan.<br>2. Sebagai unit fokal yang mewakili Jabatan Perkhidmatan Farmasi dalam Unit Penyelidikan Klinikal di Kementerian Kesihatan (Ministry of Health Clinic Research Unit).<br>3. Sebagai unit fokal untuk penyelarasan Latihan bagi pegawai dan kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Farmasi dengan penganjur latihan yang berkaitan<br>4. Menjalankan dan memantau penyelidikan atau audit yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Farmasi.<br>5. Bertanggungiawab untuk penilian kompetensi Tukang Ubat Terlatih dan menyediakan latihan-latihan yang diperlu kan<br>6. Pengurusan rekod Perkembangan Sumber Tenaga Manusia (HRD) di Jabatan Perkhidmatan Farmasi. |
| JABATAN PERKHIDMATAN SAINTIFIK | | | | |
| 9 | *Pengemaskinian Skim Pembayaran Jabatan Perkhidmatan Saintifik* | Struktur Organisasi | Objektif projek ini adalah :<br>1. Mengemaskini skim pembayaran perkhidmatan-perkhidmatan makmal yang telah di perkenalkan sejak tahun 1998.<br>2. Memperkenalkan skim pembayaran perkhidmatan-perkhidmatan makmal yang baharu.<br>3. Peningkatan dalam bilangan perkhidmatan analisis untuk mendokong | Proiek adalah untuk mengemaskini skim pembayaran bagi perkhidmatan-perkhidmatan makmal yang sediaada di Jabatan Perkhidmatan Saintifik sejak tahun 1998 dan seterusnya memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan baharu. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | keselamatan dan sekuriti kesihatan awam dan penguatkuasaan<br>4. Penyediaan perkhidmatan analisis tempatan yang mudah di akses tanpa perlu bergantung kepada perkhidmatan analisis di luar negara<br>5. Meningkatkan hasil Jabatan.<br>6. Membantu untuk mencapai strategi, rancangan dan objektif yang menyokong misi Kementerian Kesihatan dalam memberi perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti tinggi | |
| JABATAN PERKHIDMATAN ALAM SEKITAR | | | | |
| 10 | Peralihan dari penggunaan aplikasi *QueUp* kepada penggunaan aplikasi *BruHealth* untuk membuat tempahan perjanjian (booking appointment) dan *Queue Managament System* (QMS) bagi perkhidmatan Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing dan Perkhidmatan Suntikan di Pusat Pemeriksaan Kesihatan, Berakas (Daerah Brunei-Muara). | Struktur Organisasi | Sistem tempahan perjanjian melalui applikasi *BruHealth OVA* membolehkan pengguna/orang awam:<br>(i) Menempah perjanjian secara online dan tidak perlu hadir ke Pusat berkenaan secara fisikal,<br>(i) Melihat paparan kalendar slot yang kosong,<br>(ii) Mengesahkan perjanjian tempahan slot yang dipilih.<br><br>Sistem QMS melalui BruHealth QMS membolehkan pengguna / orang awam:<br>(i) Menerima tiket queue secara online (dipaparkan dalam telefon bimbit pengguna) dan tidak perlu dicetak kertas tiket queue,<br>(ii) Melihat paparan secara *'Live Display Panel'* di dalam aplikasi pengguna | Sistem perjanjian melalui aplikasi *BruHealth Online Visit Appointment (OVA)* diperkenalkan secara percubaan mulai Julai 2023 dan dilaksanakan sepenuhnya mulai 01hb Ogos 2023 dengan mengurangkan langkah proses bagi orang awam (pekeria asing) menjalani pemeriksaan kesihatan untuk mendapatkan Pas Kerja. Ianya juga dilaksanakan untuk perkhidmatan Suntikan di Pusat Pemeriksaan Kesihatan, Berakas. Sebelum sistem BruHealth ini diperkenalkan, pelanggan mendapatkan tarikh perjanjian dengan menggunakan applikasi *QueUp,* akan tetapi didapati bahawa 20 ke30 peratus pelanggan tidak hadir pada hari perjanjian slot yang telah ditempah.<br>Sistem pengurusan queue (*Queue Management System*) yang sebelum ini menggunakan sistem |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | mengenai waktu menunggu. | *QueUp QMS* telahpun ditukar kepada sistem BruHealth QMS. |
| 11 | Perkhidmatan bagi Program Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing bagi Daerah Brunel Muara (Pusat Pemeriksaan Kesihatan, Berakas) dan Pejabat Daerah Belait (Pejabat Kesihatan Belait) - Peralihan daripada kertas laporan x-ray dada (CXR) pelanggan kepada pendigitalan laporan CXR. | Struktur Organisasi | Peralihan daripada kertas laporan CRX kepada pengdigitalan laporan CRX melalui software Ulite memberi manfaat kepada Pelanggan dan unit Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing di Daerah Brunei-Muara dan Daerah Belait dari segi:<br>(i) Membolehkan laporan hasil CXR dipaparkan secara online di dalam software Ulite.<br>(ii) Mempercepatkan proses Program Kesihatan Pekerja Asing kerana kakitangan Unit Pemeriksan Kesihatan Pekerja Asing di Daerah Brunei-Muara dan Daerah Belait tidak lagi perlu mengambil kertas laporan CXR daripada Jabatan Radiolog Hospital secara fisikal.<br>(iii) Mengurangkan risiko kelewatan dalam melaporkan CXR atau kehilangan laporan kertas CXR. | Proses baru bagi CXR reporting bagi orang awam (pekerja asing) menjalani pemeriksaan kesihatan untuk mendapatkan Pas Kerja melalui Program Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing di Daerah Brunei-Muara dan Belait adalah: Pelanggan berkenaan akan menjalani ujian CXR di fasiliti perkhidmatan x-ray swasta; laporan CXR akan dilaporkan oleh Pegawai Perubatan Radiologist dari Hospital RIPAS dan Hospital Suri Seri Begawan secara digital dan dimuatnaik laporan ke dalam sistem software Ulite (rPACS). |
| 12 | PERTUKARAN SISTEM PERJANJIAN SECARA TALIAN DARI APLIKASI QUE UP KEPADA APLIKASI BRUHEALTH SERTA PENGUNAAN QUEUE MANAGEMENT SYSTEM YANG BARU DI PUSAT VAKSINASI, PUSAT PEMERIKSAAN KESIHATAN WARGA ASING, BERAKAS | Struktur Organisasi | 1. Penambahbaikan dan pengemaskinian perkhidmatan Pusat Vaksinasi melalui sistem perjanjian melalui aplikasi Bruhealth serta pengurusan giliran pelanggan melalui Queue Management System.<br>2. Memberikan dan meningkatkan perkhidmatan Pusat Vaksinasi dengan lebih berkualiti dan efisyen.<br>3. Mengurus masa | Pada 1Julai 2023, orang ramai dapat membuat tempahan perjanjian untuk mendapatkan suntikan melalui aplikasi Bruhealth. Pelanggan perlu menekan ciri Lawatan Perjanjian dalam aplikasi Bruhealth dan mengikuti langkah-langkah seterusnya untuk membuat perjanjian suntikan. Pada hari perjanjian tersebut, pelanggan mengimbas kod QR di Pusat Suntikan mengunakan aplikasi Bruhealth mereka untuk menyertai giliran dalam Queue Management System (QMS). Kakitangan |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | menunggu pelanggan dan mengawal aliran giliran pelanggan dengan baik dan sistematik | kaunter akan mengambil nomborgiliran mereka untuk proses seterusnya.<br><br>QMS adalah sistem nombor giliran elektronik yang telah diperkenalkan penggunaannya Pusat Vaksinasi. QMS dilaksanakan penggunaanya bagi menggantikan dan memperkemaskinikan sistem pengurusan giliran yang digunakan sebelumnya iaitu sistem Que Up di kaunter khidmat pelanggan Pusat Vaksinasi. QMS dapat membantu dalam mengawa aliran pelanggan serta menguruskan masa menunggu pelanggan yang mendapatkan khidmat vaksin suntikan di Pusat Vaksinasi. |
| 13 | BASIC FIELD EPIDEMIOLOGY TRAINING PROGRAM | Pelakuan Organisasi | 1. Membangun kapasiti yang mampan bagi melatih pegawai kesihatan dalam bidang epidemiologi di Brunei Darussalam.<br>2. Mempertingkatkan kapasiti kebangsaan dalam pengesanan awal dan tindak balas terhadap wabak penyakit berjangkit dan insiden lain berkaitan dengan kesihatan awam<br>3. Meningkatkan kapasiti dikalangan pegawai dan kakitangan dalam mengenalpasti masalah kesihatan awam berkaitan dengan<br>penyakit berjangkit bagi orang awam<br>4- Meningkatkan kapasiti dikalangan petugas baris hadapan/pegawai kesihatan dalam memberikan penganalisaan deskirptif masalah kesihatan awam<br>5. Membangun budaya | Sejak tahun 1980, Pusat Kawalan Penyakit (CDC) Amerika Syarikat telah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (MOH) seluruh dunia untuk menubuhkan dan menyokong Program Field Epidemiology Training Program (FETP). Program-program ini diktiraf di seluruh dunia sebagai cara yang berkesan untuk mengukuhkan kapasiti negara dalam pengawasan, epidemiologi dan tindak balas wabak.<br><br>Peserta peserta terdiri daripada pegawai-pegawai Kesihatan yang menyertai program berkeaan dilatih agar mahir dalam bidang epidemiologi dan kesihatan awam. Sebahagian peserta-peserta mungkin meniadi pemimpin dan pengurus di Kementerian Kesihatan dalam menambah baik sistem pengawasan, mengukuhkan kapasiti untuk menangani ancaman kesihatan (emerging health threats) dan semasa endemik, dan menggalakkan budaya membuat |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | yang kukuh dalam membuat keputusan berasaskan data (data-based decision making) | keputusan berasaskan data.<br><br>FETP adalah latihan berasaskan kecekapan yang mana pengajaran/taklimat<br>berkaitan dengan bidang epidemiology akan disampaikan semasa sesi pendidikan seminar dan tutorial formal dan peserta akan lebih menjalani pendedahan latihan secara praktikal ditempat kerja dalam perkhidmatan kesihatan awam bagi kecekapan. Program asas FETP menjurus kepada menangani keperluan untuk meningkatkan pengawasan, epidemiologi, tindak balas, dan kemahiran komunikasi saintifik pekerja kesihatan awam di setiap peringkat sistem kesihatan dalam model piramid bagi pembangunan tenaga kerja peringkat FETP-Frontline (Pyramid model- FETP Frontline Level workforce development). |
| PEJABAT KUALITI, URUSTADBIR DAN INOVASI | | | | |
| 14 | Projek Peningkatan Kualiti bagi Perkhidmatan Farmasi - memastikan semua bekas-bekas ('containers') penyimpanan ubat-ubat adalah bersesuaian dan 'standardized' untuk semua hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan di Negara Brunei Darussalam, termasuk wad -wad dan klinik-klinik dihospital. | Dasar | Memastikan penyimpanan ubat-ubatan di fasiliti seperti di perkhidmatan farmasi, wad-wad dan klinik-klinik adalah selamat dan teratur terutama sekali penyimpanan ubat-ubatan yang berisiko tinggi ('High Alert Medication'). Ini dapat membantu menggurangkan dan mencegah kesilapan dalam pemberian ubat-ubatan kepada orang ramai. | Dasar International Patient Safety Goals (IPSG) 3- Management of High Alert Medications atau Pengurusan High Alert Medications adalah salah satu matlamat Joint Commission International (JCI) bagi memastikan pengurusan ubat-ubat adalah selaras mengikut piawaian antarabangsa di semua fasiliti-fasiliti kesihatan di Negara Brunei Darussalam. Kementerian Kesihatan telah pun mengendos dasar International Patient Safety Goals (IPSG) 3 - Management of High Alert Medications pada 10 September 2020.<br><br>Susulan daripada dasar tersebut adalah projek peningkatan kualiti dengan<br>menyediakan bekas ('container') penyimpanan ubat-ubat yang bersesuaian |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | dan 'standardize' untuk semua hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan di Negara Brunei Darussalam, termasuk wad-wad dan klinik-klinik. di hospital bagi memastikan penyimpanan ubat-ubatan adalah selamat dan teratur. |
| 15 | Dasar Incident Reporting Policy on:<br>1. Serious Reportable Events<br>2. Voluntary Reporting of Other Clinical and Non-clinical Events | Dasar | Tujuan dasar ini adalah seperti berikut:<br>- Mewujudkan sistem melapor yang jelas bagi semua perkhidmatan-perkhidmatan dan fasiliti-fasiliti kesihatan Kerajaan;<br>- Menyediakan mekanisme yang teratur dan sulit dalam mengenalpasti, menjejak, mengetahui trend dan susulan mengenai semua insiden-insiden berlaku;<br>- Mengenalpasti dan mengongsikan sama apa yang dapat dipelajari daripada insiden tersebut;<br>- Memastikan insiden yang sama tidak akan berlaku lagi dan menggurangkan peluang bagi kejadian yang akan sama berlaku di fasiliti atau perkhidmatan lain;<br>- Memberikan impak yang positif dalam meningkatan penjaagan pesakit, rawatan, perkhidmatan-perkhidmatan dan mencegah SRE; dan<br>- Mengenalpasti dan memahami faktor-faktor yang menyumbang kepada kejadian insiden tersebut dan perubahan kepada budaya, sistem dan proses-proses di fasiliti kesihatan supaya kejadian insiden serius tidak berlaku di kemudian hari. | Dasar ini memandatkan bagi semua kakitangan Kementerian Kesihatan untuk melaporkan secara mandatori insiden-insiden Serious and Reportable Events (SRE) dan juga melaporkan secara sukarela insiden klinikal dan bukan-klinikal ke dalam sistem Online Incident Reporting, Kementerian Kesihatan dalam tempoh 48 jam dan laporan penyiasatan untuk diselesaikan dalam 45 hari waktu bekerja. |

| SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2022 / 2023 DIBAWAH KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Tajuk Program / Projek** | **Fokus WPA 21** | **Objektif** | **Keterangan Ringkas Program / Projek** |
| **KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** | | | | |
| 1 | Pendrafan Perjanjian Lesen untuk Menerbitkan Karya dengan kerjasama Penasihat Undang-Undang, Pejabat Peguam Negara (AGC) | Dasar | "i. Penambahbaikan Memorandum Perjanjian Penerbit-Penulis (Perjanjian lama) berdasarkan keperluan masa kini dan undang-undang Perintah Hak<br><br>Cipta, 1999.<br><br>ii. Memastikan ekosistem tadbir urus pengurusan penerbitan dari segi hak cipta dan pemberdayamajuan karya penulis kepada pihak ketiga dapat<br><br>dilaksanakan dengan teratur mengikut undang-undang dan terma dalam perjanjian baharu.<br><br>iii. Mencegah perbuatan manipulatif dan eksploitasi karya oleh pihak ketiga.<br><br>iv. Memberi perlindungan kepada Kerajaan dan Penulis tentang kepentingan yang berkaitan hak cipta dan harta intelek.<br><br>v. Membolehkan DBP selaku pemegang amanah yang memiliki wewenang, iaitu hak dan kuasa untuk melaksanakan, melesenkan semula, mengurus<br><br>dan mentadbir karya penulis melalui penggunaan hak-hak subsidiari | Penelitian dan perbincangan bagi pengukuhan dan pengemaskinian draf perjanjian bersama pihak AGC telah diadakan bermula pada 9 Ogos 2018.<br><br>Sesi pembarigaan, perkongsian dan pencerahan kandungan draf akhir perjanjian kepada ahli PESEBAR dan ASTERAWANI dan beberapa orang penulis diadakan pada 28 Disember 2021 dan 16 April 2022 bagi mendapatkan pandangan mereka untuk sebarang penambahbaikan kandungan<br><br>klausa dalam perjanjian. Draf akhir perjanjian juga telah dibentangkan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 5 April<br><br>2022.<br><br>√ Perjanjian Lesen untuk Menerbitkan Karya telah disahkan teratur dari segi undang-undang oleh Pejabat Peguam Negara pada 25 April 2022.<br><br>√ Pada 25 Mei 2022, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah<br><br>memperkenankan DBP untuk menggunakan perjanjian baharu semasa penandatanganan perjanjian bersama dengan penulis- |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (komersialisasi) apabila karya penulis diberdayamajukan." | penulis buku<br><br>(Dimaklumkan melalui Memorandum Bil. [785] KKBS(SUT)/KK/S/M1.2). |
| 2 | Pembaharuan Kadar Bayaran Royalti Penulis Buku | Dasar | Memberi dorongan (insentif) kepada penulis untuk menghasilkan karya secara berterusan di samping memberi pengiktirafan terhadap kreativiti mereka.<br><br>√ Memberi penghargaan kepada idea, pemikiran, naratif dan lukisan atau ilustrasi gambar yang dihasilkan oleh pengkarya seni sama ada penulis atau pelukis pada setiap dialog atau ilustrasi terbitan komik dan buku cerita kanak-kanak.<br><br>√ Motivasi kepada penulis untuk menghasilkan karya genre ilmiah dan umum bagi membantu DBP meningkatkan daya saing dalam bidang penerbitan bagi genre tersebut. | Pembaharuan kadar bayaran royalti penulis merupakan saranan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Memandangkan<br><br>penulis ialah rakan strategik DBP dalam mendukung penerbitan buku, kadar royalti perlu disesuaikan dengan usaha penulis dalam menyediakan perbahanan bagi penerbitan sesebuah karya. Kadar asal bayaran royalti penulis buku berdasarkan kebenaran Setia Usaha Kerajaan melalui surat Bil. (135) SUKAN J2/250/65/82 bertarikh 15 November 1982, dan garis panduan ini telah digunakan sejak tahun 1982 (belum pernah diperbaharui sejak 40 tahun alu).<br><br>Kadar baharu royati penulis telah mendapat kebenaran daripada Setiausaha Tetap Dasar dan Fiskal, Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada 6 Jun 2022 melalui Surat Bil. KKW/SUT/(D&F)/29.<br><br>Pada 3 September 2022, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan kadar baharu royalti penulis melalui Warkah Bil. HHPO 59/1966/IV dan Memo Bil. KKBS(SUT)/1.1/2.3 cr 3.3 (KKBS). |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 3 | Pengemaskinian dan Penyesuaian Nisbah Pembahagian Hasil Kerajaan dan Royalti (Honorarium) Penulis | Dasar | Langkah ini dibuat untuk memberi keadilan kepada penulis yang telah berusaha menghasilkan karya mereka. Di samping memberikan imbalan wang apabila karya mereka dilesenkan semula kepada pihak ketiga. Pada masa yang sama untuk menjaga kepentingan penulis selaku stakeholders DBP dalam sama-sama memasyarakatkan ilmu sekali gus memartabatkan bahasa, sastera dan budaya di negara ini melalui karya yang dihasilkan. | ▪ 23 Jun 2022 - DBP menghadapkan memorandum bagi memohon pengemaskinian dan penyesuaian nisbah pembahagian hasil kerajaan dan royalti penulis kepada Setiausaha Tetap (Dasar dan Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi.<br><br>▪ DBP mencadangkan nisbah pembahagian asal hasil kerajaan dan royalti penulis 70% : 30% dipinda kepada 60% : 40%. Penyesuaian pembahagian nisbah ini dilaksanakan dengan justifikasi bahawa karya atau bahan adalah sepenuhnya hasil usaha, kreativiti dan merupakan hak cipta penulis.<br><br>▪ Nisbah pembahagian ini khusus untuk pembayaran lesen oleh pihak ketiga kepada kerajaan dan penulis bagi pemberdayamajuan karya penulis berdasarkan penggunaan hak-hak subsidiari Jadual A dalam Perjanjian Lesen untuk Menerbitkan Karya yang ditandatangani antara Kerajaan (DBP) dengan Penulis Buku.<br><br>▪ 20 September 2022 - Jurukira Agung, Jabatan Perbendaharaan telah memberikan kebenaran kepada DBP untuk menggunakan nisbah pembahagian baharu (60 : 40) melalui Memorandum Bil. JPKK/R/272/KKBS/DBP. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 4 | Pendrafan Perjanjian Perbekalan dan Pembelian Buku Secara Konsainan dengan Kerjasama Penasihat Undang-Undang, Pejabat Peguam Negara<br><br>(AGC) | Dasar | Sebagai satu jaminan kepada pihak Kerajaan bagi sebarang risiko masa hadapan yang wujud daripada permasalahan luar dugaan yang dihadapi dengan pihak syarikat/toko buku yang mungkin sahaja disebabkan oleh perbalahan hak harta warisan, konflik kepentingan, pertukaran pengurusan, kebangkrapan, perubahan pendaftaran nama syarikat dan dan lain-lain yang menjadikan pihak mereka ingkar mengembalikan revenue Kerajaan daripada sistem konsainan ini. | ▪ 25 Januari 2022 - DBP menghadapkan memorandum bagi memohon pendrafan Perjanjian kepada AGC.<br><br>▪ 9 November 2022 - DBP menerima draf Perjanjian dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris daripada pihak AGC.<br><br>▪ 4 April 2023 - DBP menghadapkan draf Perjanjian yang telah selesai disemak dan diteliti kepada pihak AGC.<br><br>▪ 19 April 2023 - AGC menyerahkan draf Perjanjian yang telah dipinda untuk tindakan DBP.<br><br>▪ 6 Mei 2023 - DBP menghadapkan draf Perjanjian berkenaan kepada Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS untuk makluman dan kebenaran mengenainya.<br><br>▪ 10 Julai 2023 - DBP menghadapkan draf Surat Pesambah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, draf Perjanjian dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris berserta kesemua salinan memorandum yang diterima daripada pihak AGC kepada Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS untuk makluman dan tindakan mengenainya. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 5 | Ebuku (libby) | Struktur Organisasi | i. Meningkatkan peminjaman 3% setiap tahun<br>ii. Meningkatkan keahlian perpustakaan kepada 5% | Sebagai tambahan kepada perkhidmatan perpustakaan. Peminjaman buku dalam talian. Setiap ahli perpustakaan dapat akses kepada libby dengan penyediaan pelbagai bahan bacaan. |
| 6 | E-Pembayaran Pembelian Buku, Jurnal dan Majalah Terbitan Pusat Sejarah Brunei Melalui BIBD Nexgen Wallet | Struktur Organisasi | 1) Mempelbagai dan meningkatkan promosi dan pemasaran terbitan Pusat Sejarah Brunei;<br><br>2) Menggalak dan membolehkan orang ramai yang berminat dengan sejarah Negara Brunei Darussalam untuk membeli dan memiliki buku, jurnal dan majalah terbitan jabatan;<br><br>3) Memberikan pilihan kepada pelanggan untuk membuat pembayaran sama ada menggunakan wang tunai atau e-pembayaran bagi pembelian buku, jurnal dan majalah terbitan jabatan. | Projek ini merupakan satu langkah pembaharuan bagi kaedah pembayaran setiap pembelian buku, jurnal dan majalah terbitan Pusat Sejarah Brunei. |
| 7 | Daftar Kanak-Kanak yang Memerlukan Perlindungan (RCYPNP) | Struktur Organisasi | Tujuan Penubuhan RCYPNP ini adalah seperti berikut:<br><br>1. Pangkalan data kebangsaan terpusat bagi pengumpulan dan penyelenggaraan rekod<br><br>2. Membantu agensi-agensi mengenal pasti kanak-kanak yang memerlukan perlindungan.<br><br>3. Memudahkan komunikasi antara agensi dan perkongsian maklumat | Kanak-kanak yang masuk dalam daftar ini tidak semestinya mereka yang sudah dianaya, tetapi adalah kes kanak-kanak yg disyaki atau berisiko untuk dianaya atau memerlukan perlindungan, atau dicederakan secara langsung atau pun tidak. Kes-kes berkenaan adalah kes yang dirujuk daripada pihak Hospital, sekolah mahupun aduan orang ramai melalui talian 121 dan platform aduan lain. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | 4. Membantu agensi-agensi bagi tindakan penyiasatan, rawatan dan pencegahan kes<br><br>5. Mengemaskinikan maklumat statistik bagi tujuan perjawatan dan pembiayaan<br><br>6. Mengenal pasti kecenderungan kes-kes perlindungan kanak-kanak bagi panduan untuk intervensi dan strategik | |

| | Tajuk Program / Projek | Fokus WPA 21 | Objektif | Keterangan Ringkas Program / Projek |
|---|---|---|---|---|
| **SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2022 / 2023 DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA** | | | | |
| **KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA** | | | | |
| 1 | Penerbitan Edisi Kedua Buku Dasar-Dasar Kementerian Hal Ehwal Ugama | Dasar | Sebagaimana objektif buku Dasar Edisi Pertama, Edisi Kedua ini juga dijadikan sebagai panduan tambahan dalam melaksanakan dan membuat penilaian berkala terhadap keberkesanan inisiatif-inisiatif dalam pelaksanaan dasar-dasar yang ada agar ia terus sejajar mendokong Rancangan Strategik KHEU ke arah mencapai matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035. | Sebagaimana objektif buku Dasar Edisi Pertama, Edisi Kedua ini juga dijadikan sebagai panduan tambahan dalam melaksanakan dan membuat penilaian berkala terhadap keberkesanan inisiatif-inisiatif dalam pelaksanaan dasar-dasar yang ada agar ia terus sejajar Mendokong Rancangan Strategik KHEU ke arah mencapai matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035. |
| 2 | Projek Transformasi Ke Arah Budaya Kerja Digital KHEU (Fasa 1):0 Penggunaan Sistem Dispatch Menggunakan Aplikasi E-mel | Struktur Organisasi | Objektif bagi projek ini adalah untuk mengurangkan penggunaan e-mel peribadi (Gmail dan Hotmail) dan sebagai persediaan awal ke arah penggunaan intranet bagi kerja kolaborasi secara dalam talian | Satu program yang dijalankan secara berfasa untuk meningkatkan budaya kerja digital di Kementerian Hal Ehwal Ugama. Tujuan utama peringkat ini adalah untuk meningkatkan penggunaan e-mel rasmi (mora. gov. bn) dalam tugasan harian. |
| 3 | Centralised Human Resource Information System | Struktur Organisasi | Merekabentuk sistem pangkalan data sumber manusi yang efisyen dan berpusat bagi keseluruhan Jabatan/Bahagian di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sistem dalaman ini direka bentuk bagi keselarasan data dari segi format, perjawatan kekosongan jawatan dan personnel yang boleh diakses oleh fokal setiap jabatan melalui share point. Selain daripada keselarasan | Objektif projek:<br><br>i. Menyediakan sumber data manusia yang tepat, selaras, komprehensif dan berpusat<br><br>ii. Menyediakan perkongsian data sumber manusia yang efektif dan boleh di akses oleh Jabatan dan Bahagian di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan mudah<br><br>iii. Meningkatkan kecekapan pengurusan sumber manusia melalui data yang sentiasa |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | data, sistem ini juga berfungsi untuk memberikan notifikasi tertentu dalam memastikan pengurusan sumber manusia yang efisyen seperti tamat tempoh percubaan, tamat tempoh kontrak dan mpersaraan.<br><br>Situasi masa kini, jabatan-jabatan mempunyai data perjawatan sendiri dengan format yang berbeza dan kadangkala kesahihan data memerlukan untuk dirujuk ke ibu pejabat bagi pengesahan, sebagai contoh data kekosongan jawatan, pengesahan tarikh lantikan dan lain-lain. | kemaskini dan<br><br>iv. Pengemaskinian data secara langsung dan terkawal |
| 4 | Menaiktaraf sistem fail dan proses kerja di unit perumahan (Digital) | Struktur Organisasi | i. Memudahkan untuk mencari fail rujukan.<br>ii. Mempercepatkan proses-proses yang berkaitan dengan permohonan perumahan | i. Membuat data untuk bagi fail RSK dan IQ<br>ii. Membuat data untuk permohonan mendapatkan RSK<br>iii. Mengemaskan digital yang sedaia ada ke sistem fail digital. |
| 5 | Sistem mengenal kompetensi bagi keperluan latihan | Struktur Organisasi | Mendukung keperluan Rancangan Strategik KHEU untuk mempertingkatkan keberkesanan organisasi yang berkualiti dan menepati kompetensi yang diberikan kearah pembangunan sumber manusia yang berkemahiran dan bagi membolehkan membuat tugas dan tanggungjawab yang lebih efisyen. | Mereka bentuksistem pengumpulan data penilaian kompetensi untuk mengenalpasti latihan yang diperlukan bagi -meningkatkan kemahiran diri [pengurusan sendiri, kebolehan berfikir, nilai disiplin dan membuat keputusan]-meningkatkan keupayaan bekerjasama dengan orang ramai / masyarakat [pengurusan kumpulan, hubungan dan membina rangkaian, komunikasi, membangunkan orang lain dan menangani perubahan -meningkatkan kemahiran dalam tugasan harian yang efisyen [public sector acumen, dasar, kepimpinan, kebolehan pengurusan dan pengurusan sumber] |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **BAHAGIAN PENDAKWAAN SYAR'IE** | | | | |
| 6 | Kursus Keterangan Digital | Struktur Organisasi | i. Meluas dan mengembangkan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran undang-undang kepada para peserta kursus yang terdiri daripada pengamal, penguatkuasa dan penggubal undang-undang, khasnya berhubung keterangan digital.<br>ii. Memahami konsep keterangan digital serta bagaimana siasatan sewajarnya dijalankan agar ianya boleh dijadikan sebagai bukti keterangan.<br>iii. Mengupas peruntukan undang-undang yang berkaitan berhubung kebolehterimaan keterangan digital serta mengenalpasti kesukaran ataupun halangan dalam pelaksanaannya. | i. Kursus ini dikendalikan berdasarkan kepada peruntukkan-peruntukkan yang berkaitan di dalam Perintah Keterangan Mahkama-Mahkamah Syariah 2001 dan juga Akta Keterangan Brunei [Penggal 106]. Walaubagaimanapun, bagi memantapkan lagi kefahaman para peserta , kursus ini juga merujukkepada peruntukkan undang-undang Malaysia yang yang berkaitan iaitu Akta Keterangan 1950 sebagai perbandingan.<br><br>ii. Kursus ini dianjurkan oleh Bahagian Pendakwaan Syar'ie dan disertai oleh pegawai-pegawaidari Bahagian Penguatkuasaan Ugama, Unit Perundangan Islam, Unit IT Forensik, Polis Diraja Brunei dan Unit Siber, Polis Diraja Brunei.<br><br>iii.Fasilitator Kursus ini dikendalikan oleh seorang Perunding dan Pensyarah dalam Undang-undang Malaysia iaitu Yang Arif Tuan Armadajaya bin Awang Mahmud. Kursus ini telah berjaya dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.<br><br>iv. Semua peserta hadir secar fizikal di Dewan Multaqa BangunanTambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama. " |
| 7 | Kursus Rayuan Dan Semakan Jenayah : Cabaran Menangani Pelaksanaan | Pelakuan Organisasi | i. Menggalakkan dan mempertingkatkan lagi kemahiran dalam mengendalikan proses rayuan dan semakan di Mahkamah-Mahkamah Syariah.<br>ii. Mengenalpasti isu dan permasalahan yang dihadapi serta mencari jalan | i. Kursus ini dianjurkan oleh Bahagian Pendakwaan Syar'ie dan disertai juga oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Penguatkuasaan Ugama, Unit Perundangan Islam, mahakamah-Mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara danBahagian Keadilan Jenayah, Pejabat Peguam Negara, jabtan Perdana Menteri Selain Pegawai- |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | penyelesaian yang bersesuaian bagi memastikan kelancaran pelaksanaan proses rayuandan semakan jenayah menurut undang-undang seperti memperbaiki peruntukan undang-undang yang sedia ada.<br>iii. Mendapatkan maklumat berhubung proses rayuan dan semakan yang dikendalikan di Mahkamah Sivil Brunei dan Mahkamah Syariah Malaysia serta mendapatkan best practice yang dapat dijadikanteladan dalam memperbaikiproses di Mahkamah Sayriah di Negara Brunei Darussalam.<br>iv. Memberi peluang kepada para peserta untuk mebgupas perundangan baru dalampenguatkuasaan KanunPeraturan Jenayah Mahkamh Syariah (Penggal 215) pada 01 Januari 2019, berhubung tatacaradi dalampengendalian kek-kes jenayah Syariah secara amnya dan proses rayuan dan semakan jenayah khasnya. | Pegawai Pendakwaan Syar'ie.<br>ii. Kursus ini dikendalikan oleh seorang fasilitator daripada Malaysia iaitu Yang Mulia Tuan Muhammad Khairul Nizzam bin Kassim. Pegawai Penyelidik Kanan di Pejabat Ketua Hakim Syar'ie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan.<br>iii. Kursus ini telah berjaya dilaksanakan secara fizikal bertempat di Kompleks Sukan Jerudong, mengikut jadual yang diteapkan. |
| 8 | Penglibatan secara aktif bersama agensi-agensi berkaitan dalam pelaksanaan program pendidikan dan kesedaran. | Pelakuan Organisasi | i. Selaras dan relevan denngan inisiatif Rancangan Strategik Bahagian Pendakwaan Syar'ie<br>ii. Mempertingkatkan usaha-usaha kolaborasi dan pensejajaran antara agensi-agensi berkaitan.<br>Iii. Keperluan bagi meningkatkan kefahaman dan kerjasama dalam mencapai penyelesaian masalah secara Wholeof | i. Taklimat Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah (pkhjs) 2013 anjuran Bahagian Pendakwaan Syar'ie dilaksanakan secara fizikal kepada :<br>a) taklimat bagi mahasiswa - mahasiswi baru KUPUSB bertempat di Kompleks Sukan Berakas pada27 Julai 2022.<br>b) Taklimat bagi mahasiswa-mahasiswi baru UNISSA bertempat di pkbn Temburong pada 28 Julai 2022.<br>c) Taklimat bagi penuntut IBTE dalam program Jati Diri Kohot |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Government Approach (WOGA). | pertama di antara bkbn, Manpower Planning & Employment Council dan IBTE bertempat di PKBN Temburong pada 12 Oktober 2022.<br>d) Nasihat Perundangan kepada warga emas daerah Tutongyang mengunjungi Klinik Undang-undang Ri'ayah Warga Emas, Anjuran Unit Perundangan Islam bagi Projek Transformasi bertempat di Pusat Warga Emqas DaerahTutong pada 5 November 2022.<br>e) Taklimat bagi Pegawai -pegawai Masjid Daerah Tutong dan Daerah Belait serta Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Daerah Tutong. Anjuran : Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong dan Masjid RPN Bukit Beruang Tutong bertempat di Masjid RPN Bukit Beruang Tutong pada 28 November 2022.<br>f) Taklimat bagi Pegawai Guru Ugama Jabatanarah Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei JAMA'AT. Anjuran : JEMAAT bertempat di Markas Jabatanarah AGAMA ABDB Bolkiah Garison pada 17 Januari 2023.<br>g) Taklimat bagi PLP-03 (B) Kursus Penyiasatan Peringkat Pertengahan (Jenayah dan Lalulintas) BagI Anggota-anggota Pangkat Rendah Pasukan Polis Diraja Brunei. Anjuran: Pusat Latihan Polis Diraja Brunei Bertempat di Pusat Pembelajaran Berterusan Polis pada 15 Mac 2023.<br><br>ii. Perbincangan bersama institusi-institusi Pengajian Tinggi dan agens--agensi kerajaan yang berkaitan mengenai aktiviti ceramah, forum dan taklimat yang akan dilaksanakansama ada secara jemputan atau kolaborasi.<br><br>a) Perbincangan bersama KUPUSB, UNISSA, UBD DAN SMALHB pada |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | bulan Mei 2022.<br>b) Perbincangan bersama Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia KHEU dan Bahagian Program dan Penyertaan , Kementerian Pendidikan mengenai Kursus Trengkas dan Kursus IT pada 10 September 2022 dan 01 Oktober 2022.<br>c) Perbincangan bersma Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia KHEU mengenai Perancangan kursus-kursus Asa Perundangan bagi Tahun Kewangan 2023-2024 dengan menggunakan Peruntukkan Peningkatan Kemahiran dan Kapasiti : SJ01A / 450101 / 001000 / B00901 pada 31 okt 2022.<br>d) Perbincangan bersama Bahagian Pembangunan Muallaf Pusat Dakwah Islamiah pada 07 Mac 2023.<br>e) Perbincangan bersama Institusi Pendidikan Teknikal (IBTE) pada 21 Feb 2023 dan 8 mac dan 9mac 2023.<br><br>iii. Penyertaan dalam kursus-kursus anjuran agensi-agensi lain ;<br>a) Kursus Forensik DIgital. Anjuran Cyber Security Brunei pada 19 September hingga 21 September 2022.<br>b) Kursus Kefahaman Undang-Undang Berkaitan dengan Kesalahan-Kesalahan Seksual. Anjuran : Pejabat Peguam Negara pada 22 Mac 2023. Tempat : Dewan Jubli Tkt 3 Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah BSB. |
| UNIT PERUNDANGAN ISLAM | | | | |
| 9 | Transformasi Sistem Catitan Kehadiran Bekerja Secara Digital Menggunakan MS Excel | Struktur Organisasi | i. Sebagai transformasi ke arah meningkatkan sistem pengurusan perkhidmatan pegawai dan kakitangan UPI secara inter house dalam hal ehwal catitan kehadiran bekerja dan keluar masuk waktu pejabat | i. Sistem ini merupakan inisiatif Jabatan untuk menambahbaik hal ehwal catitan kehadiran harian pegawai dan kakitangan ke pejabata daripada sistem secara manual iaitu menulis nama, jam kehadiran pada sesi pagi , keluar rehat pada waktu tengahari, jam |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | supaya lebih bersistematik, efisien dan teratur.<br>ii. Membudayakan digitalisasi dalam perkhidmatan selaras dengan hasrat KDYMM di bawah pelan induk EKONOMI 2025 iaitu untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Pintar (Smart Nation) di samping mendukung salah satu objektif wawasan Brunei 2035, iaitu kualiti kehidupan yang tinggi.<br>iii. Menjimatkan penggunaan masa, tenaga dan kos.<br>iv. Mengoptimakan pengggunaan prasarana IT yang diagihkan oleh pihak Kerajaan melalui Bahagian Teknologi maklumat di Kementerian ini untuk mewujudkan sistem pengurusan pentadbiran di setiap jabatan-jabatan kerajaan yang lebih moden, canggih dan mengikut perkembangan zaman.<br>v. Mendidik minda dan sikap sebagai warga perkhidmatan awam untuk lebih bertanggungjawab terhadap kehadiran bekerja di pejabat dan dalam masa yang sama boleh memberi kesedaran secara tidak langsung terhadap konsep menjalankan amanah dan telus dalam mencari rezeki yang bersih dan halal sebagai warga perkhidmatan awam.<br>vi. Rekod penyimpanan catitan kehadiran bekerja yang lebih bersistematik, selamat, mudah diakses | kehadiran pada sesi petang, jam keluar tamat bertugas dan jam keluar masuk pejabat.<br>ii. Berdasarkan pemerhatian dari masa ke semasa, catitan rutin kehadiran secara tradisional ini mempunyai beberapa kelemahan yang perlu kepada penambahbaikan.<br>iii. Penggunaan sistem yang dicadangkan ini tidak boleh mengecualikan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak EGNC(JPM) untuk menggunakan SSM bagi clock in dan out waktu bekerja. Sistem catitan kehadiran yang diperkenalkan ini adalah untuk kegunaan di peringkat Jabatan sahaja dalam mempastikan peraturan dan disiplin para pegawai dan kakitangan dalam hal ehwal datang dan balik bekerja dapat dipantau dan dalam keadaan terurus dengan kemas dan teratur. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | dengan cepat, berkesan dan terpelihara daripada sebarang kerosakan yang tidak diingini.<br>vii. Untuk kegunaan pentadbiran jika diperlukan sekiranya ada isu-isu berbangkit pada masa hadapan | |
| **JABATAN HAL EHWAL SYARIAH** | | | | |
| 10 | Kursus Penyembelihan Bagi Pegawai dan Kakitangan Bahagian Kawalan Makanan Halal (di Daerah Temburong) | Pelakuan Organisasi | i. Objektif utama bagi menjalankan kursus inia dalah bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai penyembelihan dan teknik penyembelihan yang betul dan tepat berdasarkan Hukum Syara'. Dengan pendedahan pengetahuan termasuk undang-undang yang berkaitan kemahiran yang ada inshaAllah dapat membantu dan memperbaiki perlaksanaan tugas yang sedia khususnya semasa pengauditan rumah dan penyembelihan dalam dan uar negara.<br>ii. Pegawai yang akan diberi pendedahan mengenai penyembeliahn ini bukan sahaja terdiri daripada pegawai dan kakitangan lelaki, bahkan juga kepada perempuan. ini adalah bertujuan bagi mengembangkan lagi skop Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH) bagi membantu dalam keperluan BKMH yang memerlukan pegawai perempuan dalam penyembelihan dalam perancangan masa terdekat dna masa hadapan.<br>iii. Melalui kursus ini, pelajar- | Bagi menyahut rancangan strategik Jabatan Hal Ehwal Syariah dalam meningkatkan kompetensi, prestasi dna kelayakan professional pegawai dan kakitangan sebagai juruaudit dan penguatkuasa di Bahagian Kawalan Makanan Halal, Unit Tarbiyah Halal, Seksyen Pembangunan Halal bersama-sama dengan Unit Pengurusan Daging Halal memperkenalkan Kursus Penyembelihan. Peserta Kursus akan diberikan taklimat bertajuk 'Tatacara Penyembelihan Mengikut Hukum Syara' dan demonstrasi penyembelihan ayam. Selesai demonstrasi, peserta kursus dikehendaki untuk menyembelih sekurang-kurangnya dua ekor ayam. Sijil penyertaan kursus akan diberikan kepada peserta kursus. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | pelajar latihan industri akan berpeluang untuk mendapatkan pengetahuan lengkap mengenai penyembelihan halal dan akan lebih memahami teknik penyembelihan yang betul melalui praktikal penyembelihan. | |
| JABATAN URUSAN HAJI | | | | |
| 11 | Program Ke Arah Perkhidmatan Awam yang 'Arif Tentang Tuntutan Rukun Islam Kelima | Pelakuan Organisasi | i) Menyalurkan maklumat kepada warga perkhidmatan awam mengenai pengurusan haji, kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dan tuntuan rukun islam kelima.<br>ii) Mendorong warga perkhidmatan awam untuk menyegerakan perlaksanaan ibadat haji bagi yang berkemampuan dengan adanya kemudahan yang disediakan oleh kerajaan<br>iii) Memberi kesedaran awal kepada warga perkhidmatan awam untuk mempersiapkan diri dari segi kewangan, kesihatan dan ilmu. | Jabatan Urusan Haji adalah sebuah Jabatan dibawah Kementerian Hal Ehwal Ugama yang bertanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan haji dan umrah antaranya pendaftaran haji, permohonan Kurnia Tambang Menunaikan Fardhu Haji, Kursus ibadat haji dan mengawal selia syarikat-syarikat pengendali perkhidmatan pakej haji dan umrah.<br><br>Maklumat-maklumat berhubung pengurusan haji dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DI-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah penting untuk disampaikan kepada warga perkhidmatan awam |
| JABATAN PENGAJIAN ISLAM | | | | |
| 12 | Platform Digital 'Microsoft Sway" | Struktur Organisasi | i) Mendukung transformasi digital dan mendedahkan guru dan pelajar kepada pembudayaan pembelajaraan teradun (Blended learning)<br>ii) Meningkatkabn profesionalsime dan menambahbaik kualiti pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru dan pelajar.<br>iii) Sebagai program | Projek ini memperkemaskan pembangunan dan penggunaan platform digital Microsoft Sway sebagai sebuah gudang bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran di alam maya bagi setiap sekolah-sekolah Arab di bawah pemantauan Bahagian Sekolah Arab. Platform ini boleh diakses menggunakan pelbagai bentuk gajet yang mempunyai capaian internet di samping pengaplikasian dan pembudayaan |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | sokongan pembelajaran bagi membantu dalam pengukuhan dan penggayaan pelajar<br>iv) Memandu pelajar kepada penggunaan gajet dan IT dengan betul dan berkesan<br>v) Menggalakkan perkongsian ilmu dan bahan pengajaran dalam kalangan guru untuk dimanfaatkan oleh pelajar, guru dan ibu bapa secara amnya.<br>vi) Memudahkan pembelajaran kendiri bagi pelajar membuat ulang kaji dan pra pembelajaran secara persendirian | model-model Pembelajaran Teradun (BLended Learning) dalam pengajaran dan pembelajaran mensasarkan kepada keperluan pelajar. Pengisian platform tersebut juga merangkumi seluruh sukatan mata pelajaran yang dipelajari di sekolah, terdiri daripada bahan pengajaran dan juga latihan-latihan penilaian. |
| 13 | e-Aduan | Pelakuan Organisasi | i) Menyediakan satu platform bagi pegawaidan kakitangan menyalurkan permasalahan di saluran yang betul dan tepat serta menerima maklum balas daripada pegawai yang berkemahiran.<br>ii) Membantu BahagianPentadbiran mempertingkatkan mutu kerja kearah yang lebih efektif dan efisyen.<br>iii) Mengenalpasti permasalahan yang banyak dibangkitkan dan seterunya merangka strategi ke arah yang lebih proaktif | Projek ini merupakan slah satu inisitif penambahbaikkan khususnya bagi Unit Pengurusan Kakitangan, Unit Perjawatan dan Unit Pengurusan Data di Bahagian Pentadbiran di Jabatan Pengajian Islam. Ianya mula dilaksanakan pada bulan Mac yang lalu. Projek ini menyediakan satu platform digital bagi pegawai dan kakitangan untuk bertanyakan pemaslahan atau kewahaman yang mereka hadapi.<br><br>Projek ini juga membolehkan Bahagian Pentadbiran memberi penerangan yang lebih jelas terhadap persoalan yang diajukan dan dapt memberi perkhidmatan yang lebih suka. |
| 14 | Penawaran calon Persendirian Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Rendah Ugama (SSSRU) | Dasar | i) Bagi mendukung dan memenuhi Wawasan Brunei 2035<br>ii) Merealisasikan hasrat KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darusslam sebagai Negara | Projek ini mula dirancang apabila terdapat permintaan daripada orang ramai yang belum memprolehi sijil peperiksaan Sekolah-sekolah Rendah Ugama (SSSRU) apa tah lagi ketika sijil ini diperlukan dalam bidang pekerjaan |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Zikr dan Pendidikan ugama meliputi semua peringkat masyarakat Islam di Negara ini.<br>iii) Mengemas kini peraturan yng sedia ada dengan memnuhi keperluan semua pihak sesuai perkembangan, pelaksanaan serta keperluan pendidikan masa kini.<br>Menaiktaraf nilai Sekolah-sekolah Rendah Ugama (SSSRU) sebagai salah satu syarat kelayakan bagi beberpa jawatan tertentu dalam perkhidmatan awam.<br>iv) Menaiktaraf kedudukan kelas-kelas dewasa ugama sebagai salah satu institusi pendidikan Islam yang diiktiraf dan diakui di Negara Brunei Darussalam melalui penilai yang berkualiti dan bersistem. | |

| SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2022 / 2023 DIBAWAH KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Tajuk Program / Projek** | **Fokus WPA 21** | **Objektif** | **Keterangan Ringkas Program / Projek** |
| **KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** | | | | |
| 1 | Menggunakan Mekanisme Value Stream Mapping (VSM) Di Dalam Isu Pengeluaran Lesen Kenderaan (Vehicle license - VL)- | Pelakuan Organisasi | Antara kelebihan VSM ialah para petugas mengadakan bengkel dan menggunakan kaedah ini bagi mengkaji serta mengenalpasti bottleneck yang kecil dan besar didalam setiap proses. Seterusnya, para petugas kemudian mengambil apa jua tindakan yang perlu untuk mengatasi kesulitan itu, dalam hal ini, petugas JPD telah berjaya menggambarkan proses AS-IS (proses sedia ada), dan menyelaras proses tersebut kearah peluang untuk penambahbaikan kepada proses to be. | Kaedah VSM ialah sebuah proses pemetaan yang membolehkan setiap petugas JPD menggambarkan dan memahami pergerakan proses pengeluaran dan lesen kenderaan dan seterusnya membuat pelan tindakan yang sewajarnya bagi mengurangkan pembaziran masa. |
| **JABATAN PENGANGKUTAN DARAT** | | | | |
| 2 | Nomborku 1-week Bid | Struktur Organisasi | Antara Hasil yang ingin dicapai:<br>i. Mempercepatkan proses (tawaran, bidding, pembayaran, keputusan jawatankuasa, notifikasi kepada penender yang berjaya, dan lain-lain)<br>ii. Memaksimakan penjanaan hasil daripada TPK | Nomborku 1 week Bid merupakan penambahan feature baru ke dalam platform Nomborku. Feature ini memberikan peluang kepada orang ramai untuk memilih dan membeli (secara online) mana-mana Tanda Pengenalan Kenderaan (tpk) yang tidak mempunyai penender semasa ianya dibukakan melalui Click and Bid |
| 3 | Nomborku Click and Bid | Struktur Organisasi | Objektif utama projek Nomborku Click and Bid adalah bagi menyediakan platform digital bagi menambahbaik perkhidmatan Tawaran Tertutup TPK yang mana | NomborKu Click and Bid adalah satu projek penjenamaan semula perkhidmatan Tawaran Tertutup Tanda Pengenalan Kenderaan (TPK) serta penyediaan platform digital (penambahan feature ke dalam platform NomborKu untuk |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | sebelumnya adalah menggunakan proses manual di mana orang ramai perlu mengisikan borang kertas dan memasukkan ke dalam peti tawaran tertutup yang mengambil masa yang lama.<br><br>Antara hasil yang ingin dicapai<br>i. Mempercepatkan proses (tawaran, bidding, pembayaran, keputusan Jawatankuasa, notifikasi kepada penender yang berjaya dan lain-lain)<br>ii. Meminimakan human-intervention di dalam proses bagi meningkatkan integriti dan ketepatan data<br>iii, Data management yang teratur dan penghasilan laporan/analisa yang lebih tepat<br>iv. Mengurangkan jumlah orang ramai untuk hadir berurusan ke kaunter JPD | menambahbaik perkhidmatan tersebut. |
| 4 | NomborKu "Running Number" dan "Holding" | Struktur Organisasi | Objektif utama projek-projek tersebut adalah seperti berikut: Antara hasil yang ingin dicapai:<br>i. Mempercepatkan proses perkhidmatan<br>ii. Meminimakan human-intervention di dalam proses di dalam proses bagi meningkatkan integriti dan ketepatan data.<br>Iii, data management yang teratur dan penghasilan laporan/analisis yang lebih cepat.<br>iv. Memudahkan urusan orang ramai serta mengurangkan jumlah orang ramai untuk hadir berurusan ke kaunter JPD. | NomborKu "Running Number" merupakan penambahan feature baru ke dalam platform NomborKu, Feature ini membnolehkan orang ramai untuk memilih dan membeli Tanda Pengenalan Kenderaan (TPK) yang selari (running) secara proses tender terbuka atas talian (online).<br><br>Nomborku "Holding" juga merupakan penambahan feature baru ke dalam platform NomborKu. feature ini membolehkan orang ramai untuk membuat pengurusan penggantungan sementara TPK yang dimiliki (yang belum didaftarkan kepada mana-mana kenderaan) secara atas talian (online). |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | V. Dan bagi "Running Number" mewujudkan revenue stream yang baru bagi kerajaan. | |
| JABATAN PERKHIDMATAN POS | | | | |
| 5 | Projek Penghantaran Ubat | Struktur Organisasi | i. Mempromosikan perkhidmatan Pos Laju dan mempelbagaikan jenis brangan yang dihantar selain dari bungkusan dan dokumen.<br><br>ii. Memberi pilihan kepada pesakit- pesakit atau orang ramai yang berhasrat berhasrat ubat – ubatan mereka dihantar ke rumah. | Projek Penghantaran Ubat – Perkhidmatan Penghantaran Ubat melalui Poslaju ini adalah koloborasi diantara Jabatan Perkhidmatan Farmasi,<br><br>Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi. Diantara objektif projek ini adalah untuk mempromosikan perkhidmatan Pos Laju dan mempelbagaikan jenis brangan yang dihantar selain dari bungkusan dan dokumen. Selain itu, perkhidmatan ini memberi pilihan kepada pesakit- pesakit atau orang ramai yang berhasrat berhasrat ubat – ubatan mereka dihantar ke rumah. |
| JABATAN KAJICUACA | | | | |
| 6 | Penaiktarafan Amaran cuaca Kepada Template Peta | Struktur Organisasi | i. Untuk lebih memudahkan orang ramai memahami mesej amaran cuaca dengan lebih tepat<br>ii. Penyebaran maklumat cuaca terkini yang lebih ringkas dan cepat melalui platform rasmi media sosial | Jabatan kajicuaca Brunei Darussalam menggunakan kod Amaran Cuaca Berwarna untuk memberi amaran awal kepada orang ramai dan agensi-agensi berkenaan mengenai keadaan cuaca aktif yang berpotensi untuk mengakibatkan kerosakan harta benda dan memberi gangguan serius kepada aktiviti harian orang awam.<br><br>Berikutan rekomendasi dari orang awam yang menginginkan location-based warning yang ringkas dan mudah difahami, Jabatan telah menaiktaraf amaran cuaca kepada template amaran cuaca peta Brunei, yang mana amaran cuaca |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | kod bewarna diwarnakan mengikut lokasi dan tahap risiko. |
| **PUSAT KEBANGSAAN E - KERAJAAN** | | | | |
| 7 | *Project Management Framework(PMF)* / Rangka kerja pengurusan projek | Dasar | Pengunaan Rangka Kerja Pengurusan (PMF) dapat membantu pelaksanaan projek lebih teratur, terkawal dan berkesan. Ini membolehkan projek yang dilaksanakan mencapai objektif dengan lebih cekap dan efektif. Beberapa objektif penyediaan PMF; i. Menyediakan garis panduan untuk semua pengguna dari semua jabatan dan Kementerian yang melaksanakan projek-projek ICT. ii. Menyediakan dokumen pelaksanaan projek ICT yang cekap dan berkesan. iii. Untuk memastikan pelaksanaan projek berjaya, tumpuan diberikan kepada kecekapan, mengelakkan pengaruh pembekal, menghapuskan duplikasi, mengurus risiko, merealisasikan faedah, dan mengoptimumkan sumber. | Rangka kerja pengurusan projek (PMF) ialah sebuah dokumen bagi memberi panduan dalam menetapkan piawaian dan garis panduan untuk diguynakan oleh mana-mana Kementerian dan Jabatan Kerajaan yang semasa pengurusan projek ICT. Semua kementerian dan jabatan akan menggunakan dokumen ini untuk menguruskan projek ICT kerajaan bermula dari perancangan , tender, kontrak, pelaksanaan, penutupan, penguatkuasaan post-review projek yang telah siap di peringkat go live dan juga peringkat penyelengaraan. |
| 8 | *Memandatkan platform Gov.BN 2.0* | Dasar | Pengimplementasian platform portal GOV.BN 2.0 kerajaan mempunyai beberapa objektif utama iaitu untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam dan berinteraksi dengan orang ramai secara lebih efisien. Penyediaan GOV.BN 2.0 untuk menyediakan platform yang membantu dalam mendigitalisasikan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan, serta menyatukan | Merujuk kepada mesyuarat CIO Forum 1/2023 yang telah diadakan pada 8 Mei 2023 yang mana mesyuarat telah memandatkan dasar bagi platform GOV.BN 2.0 untuk digunapakai oleh semua agensi kerajaan supaya pihak-pihak tersebut akan dapat memastikan keserasian sistem baharu kepada platform tersebut dan seterusnya memastikan penggunaan platform GOV.BN dalam jangka masa panjang. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan yang tersedia atas talian secara pusat. Pelaksanaan projek ini akan membolehkan orang awam berinteraksi dengan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan secara di atas talian dengan mudah dan cepat. | |
| 9 | *Memandatkan penggunaan Digital ID keatas setiap projek ICT (mekanisme pengenalan diri)* | Dasar | Implementasi Digital ID dalam projek ICT boleh membawa pelbagai faedah, dan objektifnya boleh melibatkan peningkatan kecekapan, keselamatan dan perkhidmatan kepada orang awam, Beberapa objektif Projek Digital ID;<br>- Pengesahan identiti yang selamat - memastikan penggunaan Digital ID dapat mengurangkan risiko penipuan identiti dalam urusan perkhidmatan kerajaan<br>- Pemprosesan cepat dan efisien<br>- Meningkatkan kecekapan dalam pemprosesan dokumen dan maklumat iaitu terus secara digital.<br>-Meningkatkan akses kepada perkhidmatan kerajaan secara dalam talian dengan menggunakan Digital ID, untuk mengakses perkhidmatan seperti pembayaran cukai, permohonan bantuan, atau perkhidmatan kesihatan. | Merujuk kepada mesyuarat CIO Forum 1/2022 yang telah diadakan pada 15 Februari 2022 yang mana penggunaan Digital ID adalah sebagai dimandatkan bagi semua projek ICT sebagai mekanisma pengenalan diri. |